



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

**PENILAIAN DAN INTERVENSI:
KES KANAK-KANAK**

**HIMPUNAN LAPORAN PENGURUSAN
KES KERJA SOSIAL**



PENILAIAN DAN INTERVENSI: KES KANAK-KANAK

**HIMPUNAN LAPORAN PENGURUSAN KES KERJA SOSIAL
BAGI
PROGRAM PENYELIAAN KERJA SOSIAL FASA 1 TAHUN 2019**

Diterbitkan Jun 2023

Hak cipta ©Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat atau hubungi:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Aras 6,9-18, No. 55,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya.
Tel: 03-8323 1656 / 03-8323 1658
Faks: 03-8323 2094

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buku.

Dicetak dan direka bentuk oleh:

ALAMEDIA SDN. BHD.
No. 14, Jalan LP 1A/5,
Taman Lestari Perdana,
43300 Seri Kembangan,
Selangor.
Tel: 03-8945 0420

KANDUNGAN

PRAKATA	iii
SEKAPUR SIRIH DARI MEJA EDITOR	iv
KES 1	3
KES 2	9
KES 3	16
KES 4	22
KES 5	29
KES 6	35
KES 7	42
KES 8	51
KES 9	56
KES 10	62

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Program Penyeliaan Kerja Sosial telah dimulakan pada tahun 2019, bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam menguruskan kes yang dikendalikan mengikut pendekatan kerja sosial melalui penglibatan secara intensif oleh mereka yang telah dilantik oleh pihak Jabatan sebagai Penyelia. Demi menjayakan program ini, kakitangan terlibat perlu melalui beberapa kursus dan bengkel dan melalui proses penilaian yang teliti agar kompetensi mereka dapat dipertingkatkan.

Penerbitan buku ini merupakan salah satu daripada bukti kejayaan Program tersebut, di mana kakitangan telah berjaya menguruskan kes yang ditangani menggunakan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang kerja sosial. Buku ini juga, boleh dijadikan rujukan kepada kakitangan, terutamanya kepada kakitangan baru sebagai panduan dalam menguruskan kerja seharian. Semoga buku ini memberi manfaat kepada semua pihak agar mutu perkhidmatan yang diberikan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

SEKAPUR SIRIH DARI MEJA EDITOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Kemahiran menghasilkan laporan penilaian kes merupakan salah satu kemahiran yang sangat penting bagi profesion kerja sosial. Laporan yang berkualiti pula merupakan hasil kemahiran melakukan penilaian psikososial oleh pekerja sosial yang kompeten. Pekerja sosial perlu memastikan segala aspek kehidupan dan masalah klien telah diterokai dan dinilai secara menyeluruh sebelum intervensi yang terbaik boleh disyorkan bagi menyelesaikan kes klien.

Buku ini menghimpunkan laporan pengurusan kes kanak-kanak yang dihasilkan oleh pegawai kes yang telah terpilih untuk mengikuti Program Penyeliaan Kerja Sosial. Kanak-kanak merupakan antara klien utama dalam bidang kerja sosial yang perlu diberi perhatian dan pertimbangan yang khusus apabila kes-kes mereka dirujuk kepada pekerja sosial dalam memastikan keselamatan dan kebajikan mereka sentiasa menjadi keutamaan.

Diharap kes-kes yang dikongsikan dalam buku ini dapat dijadikan panduan untuk perbincangan, latihan dan pengajaran serta pembelajaran dalam meningkatkan profesionalisme pekerja sosial dan profesion menolong. Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi, pengamal di lapangan dan sesiapa sahaja yang berminat dengan kes-kes berkaitan kebajikan dan perlindungan kanak-kanak.

Azlin Hilma binti Hillaluddin

Arfan bin Sulaiman

Roshayati binti Omar

Shazlin Adila binti Mohd Salleh

KES 1

AKU JUGA PUNYA HAK, DENGARLAH RINTIHAN HATIKU

Khairul Atha bin Annuar

KES 2

PATAH SAYAP, TERBANG JUA

Muhammad Razmee bin Abd Razak

KES 3

ALI IMRAN, BUAH HATIKU SAYANG

Noor Azimah binti Ahmad Baharom

KES 4

GELORA JIWA MUDA AKHIRNYA MEMBAWA BINASA

Nithiah A/P Palaniandy

KES 5

IKUT HATI MATI, IKUT RASA BINASA

Kamsiah binti Hussain

KES 6

MENCARI PELUANG UNTUK MENGGAPAI KEBAHAGIAAN

Siti Syafiqah binti Hassan

KES 7

HARAPKAN PEGAR, PEGAR MAKAN PADI

Ramacantiran A/L M. Ananthan

KES 8

KASIH TERPAUT DI RUMAH KANAK-KANAK

Norshimahwati binti Mustafar

KES 9

BAPA BOREK ANAK RINTIK

Muhammad Razmee bin Abd. Razak

KES 10

DILEMA PERKAHWINAN BAWAH UMUR

Nur Syazwani binti Suhaimi



**KES
1** **AKU JUGA PUNYA HAK,
DENGARLAH RINTIHAN HATIKU**

Khairul Atha bin Annuar

MAKLUMAT ASAS KES

Kes ini dirujuk oleh Mahkamah Sesyen Klang kepada Pegawai Pelindung ekoran aduan daripada seorang bapa terhadap anaknya yang bernama Pusparani (bukan nama sebenar). Menurut aduan tersebut, Pusparani enggan mematuhi perintah mahkamah untuk menghabiskan masa bersama ayahnya mengikut jumlah jam yang telah diarahkan.

Menurut laporan, ibu bapa Pusparani telah bercerai dengan cara baik melalui mahkamah dan hasil dari perbicaraan terdahulu, mahkamah menetapkan bahawa bapa mempunyai hak untuk berjumpa dengan Pusparani pada setiap hari Ahad, dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang di sebuah restoran makanan segera di Petaling Jaya. Menurut Pusparani ibunya akan menghantarnya ke lokasi berkenaan dan menunggu di luar restoran sehingga habis sesi perjumpaan dengan bapanya.

Masalah mula timbul apabila Pusparani semakin hari semakin menunjukkan keengganan untuk bertemu bapanya. Bermula dengan jumlah jam perjumpaan dikurangkan oleh Pusparani sendiri sehinggalah langsung tidak mahu menemui bapanya. Bapa Pusparani kemudiannya telah mengambil peguam untuk menuntut haknya agar perintah tersebut dipatuhi oleh Pusparani. Ekoran daripada itu, Mahkamah Seksyen Klang telah meminta Pegawai Pelindung untuk menyediakan satu laporan sosial berkaitan Pusparani.

LATAR BELAKANG KLIEN DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Kanak-kanak yang terlibat bernama Pusparani, berumur 11 tahun, berketurunan India dan beragama Hindu. Kedua-dua ibu bapanya merupakan warganegara Malaysia. Ibu Pusparani bernama Madhevan (bukan nama sebenar), berusia 33 tahun yang berasal dari Klang. Madhevan bertugas sebagai jururawat di sebuah hospital swasta dan menetap bersama ibu bapanya di Kapar. Mereka tinggal di rumah teres dua tingkat. Rumah tersebut dilengkapi perabot yang asas dan keadaan rumah adalah memuaskan.

Pendapatan keluarga dilaporkan sekitar RM 3,000.00 sebulan dan semasa berkahwin, Madhevan dan suami tinggal di rumah ibu bapa suaminya. Madhevan menyatakan sentiasa berasa tertekan sepanjang perkahwinannya terdahulu. Mereka sering bergaduh dan lebih memburukkan lagi keadaan apabila ibu bapa mertuanya sering masuk campur dalam urusan keluarganya. Dia juga pernah dipukul oleh suaminya dan kejadian tersebut telah disaksikan sendiri oleh Pusparani. Namun menurut Madhevan, dia tidak pernah menghasut atau menghalang anaknya daripada berjumpa bapanya, malah dia sendiri akan membawa Pusparani ke tempat perjumpaan tersebut pada hari minggu. Madhevan memaklumkan bahawa dia akan sentiasa memastikan kebajikan dan masa depan anaknya terpelihara. Dia tidak mahu kemelut rumahtangga mereka mengganggu anaknya, malah menambah bahawa Pusparani sendiri yang membuat keputusan untuk tidak mahu berjumpa bapanya.

Bapa Pusparani pula bernama Sathiya (bukan nama sebenar), berusia 35 tahun dan berasal dari Pulau Pinang. Sebelum ini, dia tidak mempunyai sebarang pekerjaan tetap, tetapi kini dia bekerja sebagai pemandu teksi. Sebelum bercerai, mereka telah mendirikan perkahwinan selama 13 tahun dan hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka telah mempunyai seorang anak sahaja iaitu Pusparani. Sejak berkahwin, mereka sekeluarga tinggal bersama di rumah ibu bapa Sathiya sehinggalah mereka bercerai.

Menurut Sathiya, dia amat menyayangi anaknya dan berharap dapat menghabiskan lebih banyak masa bersama anaknya. Pegawai Pelindung ada bertanyakan sama ada Sathiya kerap mengambil

minuman keras. Sathiya telah menafikan sekeras-kerasnya tetapi mengakui ada mengambil minuman keras pada hari-hari perayaan, namun pada kadar yang sedikit dan tidak memabukkan. Sathiya mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kedua ibu bapanya dan sehingga kini, dia masih tinggal bersama mereka di rumah teres dua tingkat yang mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air. Rumah tersebut terletak di Kapar, Klang. Adik beradik Sathiya yang masih bujang juga turut tinggal di rumah tersebut. Jiran-jiran mereka terdiri dari pelbagai kaum dan mempunyai hubungan yang baik. Selepas perceraian, Sathiya telah diperintahkan menanggung perbelanjaan anak sebanyak RM 1,000.00 sebulan.

Menurut Sathiya lagi, Pusparani telah dilahirkan dalam keadaan normal dan tidak mengalami sebarang kecacatan serta mempunyai keadaan kesihatan yang baik. Pusparani telah membesar seperti kanak-kanak normal yang lain dan tidak pernah terlibat dengan apa-apa kemalangan yang boleh mengubah keadaan fizikal dan mental kanak-kanak. Dia bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) dari darjah satu hingga darjah tiga, kemudiannya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Meru mulai darjah empat sehingga kini. Menurut guru Pusparani, dia merupakan seorang murid yang cergas dan pintar dalam pelajaran serta sentiasa berada di tempat teratas dalam peperiksaan. Menurut guru Pusparani lagi, dia sentiasa ringan tulang dan patuh pada arahan gurunya serta tidak mempunyai sebarang masalah pergaulan dengan rakan-rakannya yang lain.

Dari segi tingkah laku dan keperibadian pula, Madhevan memaklumkan bahawa Pusparani merupakan anak yang baik dan menjaga tutur kata serta tidak mendatangkan masalah sepanjang di bawah jagaannya. Menurutnyanya lagi, Pusparani pernah mengadu tidak mahu berjumpa dengan bapanya, namun terpaksa akur dengan perintah mahkamah, kerana tidak mahu melihat ibunya dipenjarakan disebabkan kegagalan untuk mematuhi perintah tersebut. Ada ketikanya Pusparani dilaporkan memberontak kerana tidak mahu berjumpa dengan ayahnya. Sebagai seorang ibu, Madhevan merasa sangat sedih apabila terpaksa memaksa anaknya hadir ke perjumpaan tersebut kerana itu adalah perintah mahkamah.

Hasil daripada temubual Pegawai Pelindung bersama Pusparani, didapati bahawa Pusparani menyayangi bapa kandungnya. Namun, dia merasakan bahawa pertemuan dengan bapa kandungnya selama 20 minit pada setiap hari Ahad adalah memadai. Pusparani memaklumkan bahawa dia merasa takut setiap kali bersama bapanya kerana masih teringat peristiwa di mana bapanya pernah memukul ibunya. Dia khuatir bapanya akan melakukan perkara yang sama ke atasnya. Menurutnya lagi, bapanya kurang memahami perasaannya berbanding ibunya dan ini menyebabkan dia rasa tidak seronok setiap kali bersama bapanya.

Pusparani juga ada menyatakan ketidakselesaan berjumpa dengan semua ahli keluarga dan kenalan bapanya semasa sesi perjumpaan tersebut. Ini adalah kerana, selepas perceraian, dia lebih banyak bergaul dengan ahli keluarga sebelah ibunya. Ini menyebabkan hubungan Pusparani dengan saudara mara di sebelah bapa agak renggang. Menurut Pusparani lagi, jika diberi pilihan, dia ingin terus tinggal bersama ibu dan tidak mahu tinggal bersama bapanya. Dia hanya mahu berjumpa dengan bapanya untuk seketika sahaja, iaitu pada setiap hujung minggu.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Melihat kepada Tujuh Keperluan Penjagaan Kanak-Kanak iaitu dari aspek fizikal, psikologi, emosi, kognitif, sosial, moral dan rohaniah, Pegawai Pelindung mendapati bahawa kesemua keperluan ini telah berjaya dipenuhi oleh ibunya. Begitu juga dari segi keperluan fizikal seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, kebebasan dan keperluan perubatan, semuanya mampu disediakan dengan baik dan sempurna oleh ibunya.

Dari sudut psikologi pula, Pusparani telah diberi peluang untuk membuat keputusan sendiri memandangkan dia sudah boleh membezakan yang buruk dan yang baik. Tambahan pula, tiada sebarang aduan negatif mengenai tingkah laku kanak-kanak dilaporkan kepada Pegawai Pelindung. Pusparani juga didapati telah diberikan sepenuh kasih sayang dan dapat diperhatikan tiada gangguan emosi, berlaku ke atasnya. Ini dapat dilihat melalui prestasi kanak-kanak yang cemerlang di sekolah, tingkah lakunya

yang ceria dan riang serta mempunyai sikap yang positif sepanjang temubual bersama Pegawai Pelindung.

Dari sudut moral pula, Pusparani ada memberitahu pernah melihat bapanya mabuk dan memukul ibunya di hadapannya. Kejadian ini belaku sebelum ibu dan bapanya bercerai. Ini dilihat telah meninggalkan kesan emosi sehingga ke hari ini di mana dia merasa takut apabila berada bersama-sama bapanya. Kejadian yang menimpa ibunya itu telah mempengaruhi pemikirannya dan sedikit demi sedikit mengakibatkannya mula menarik diri dan enggan berjumpa dengan bapa kandung.

Dari sudut kerohanian dan sosial pula, ibu kandung melaporkan ada membawa kanak-kanak ke kuil sebulan sekali untuk bersembahyang. Kanak-kanak kerap dibawa oleh ibunya bermain di taman permainan berhampiran rumah mereka. Di sini kanak-kanak dapat bergaul dengan anak-anak jiran.

Secara keseluruhannya, didapati ibu Pusparani telah memberikan penjagaan dan pemeliharaan yang baik dan sempurna kepada anaknya dengan penuh kasih sayang. Hubungan mereka sangat rapat dan Pusparani sangat mengasihi ibunya. Kanak-kanak ingin menghabiskan banyak masa bersama ibunya. Kanak-kanak juga pernah meminta agar dia tidak dipaksa dalam membuat apa-apa keputusan yang tidak disukainya. Kanak-kanak berharap dapat meneruskan persekolahannya dengan aman dan meneruskan kehidupan secara normal sama seperti kanak-kanak lain.

Pegawai Pelindung juga mendapati bahawa dalam kes ini Pusparani tidak mempunyai apa-apa konflik atau masalah lain yang menyumbang kepada keengganannya untuk menghabiskan masa dengan bapanya. Masalah utama Pusparani ialah dia tidak mahu menghabiskan masa bersama bapanya kerana teringat akan pengalaman keganasan rumah tangga ibu bapanya yang menyebabkannya merasa takut dan tidak selesa sepanjang tempoh perjumpaan tersebut.

Sehubungan itu, demi mengelakkan tekanan perasaan yang mungkin boleh berlaku ke atas Pusparani dan berdasarkan prinsip *for the best interest of the child*, Pegawai Pelindung ingin mengesyorkan

agar masa perjumpaan antara Sathiya dan Pusparani dikurangkan daripada 8.00 pagi hingga 6.00 petang, pada setiap hari Ahad kepada 8.00 pagi hingga 10.00 pagi setiap hari Ahad, sementara bantuan psikologi diberikan kepada kanak-kanak. Jumlah masa perjumpaan tersebut, dikurangkan dari 10 jam kepada dua jam sahaja. Disyorkan juga agar ibunya turut dibenarkan untuk turut serta dalam perjumpaan tersebut supaya kanak-kanak merasa lebih selesa dan selamat, seterusnya dapat mengelakkan kanak-kanak daripada menarik diri dari perjumpaan tersebut.

Pegawai Pelindung juga akan mengadakan satu lagi pertemuan dengan ibu Pusparani untuk berbincang bagi menyelesaikan konflik yang ada dalam diri Pusparani. Pegawai Pelindung bercadang untuk merujuk kanak-kanak kepada kaunselor Jabatan atau kepada kaunselor sekolah di tempat dia belajar untuk menangani tekanan perasaan yang dialami oleh Pusparani.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Apakah kemahiran yang perlu ada pada Pegawai Kes dalam menguruskan kes yang seperti ini?
2. Pada pendapat anda, adakah Pusparani memerlukan intervensi khusus bagi menghilangkan perasaan takutnya terhadap bapanya? Sila bincangkan.
3. Apakah peranan yang perlu dimainkan oleh ibu dan bapa dalam situasi yang seperti ini?

KES 2 **PATAH SAYAP, TERBANG JUA**

Muhammad Razmee bin Abd Razak

MAKLUMAT ASAS KES

Calvin Shin (bukan nama sebenar) merupakan seorang kanak-kanak berumur 16 tahun yang telah terlibat dengan kesalahan mencederakan orang awam dengan sengaja seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan. Menurut Calvin kejadian pergaduhan dilaporkan berlaku di luar sekolah dan mangsa yang terlibat adalah rakan sekolahnya sendiri.

Mangsa dilaporkan mengalami kecederaan di bahagian muka akibat dari hentakan objek tumpul. Menurut Calvin lagi, pihak keluarga mangsa telah melaporkan kejadian ini kepada pihak Polis. Calvin telah didapati bersalah dan telah dihadapkan ke Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Kuala Lumpur dan telah diperintahkan untuk menjalani pemulihan akhlak sehingga mencapai umur 18 tahun di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi (STB).

Calvin mengakui kesilapannya dan menyedari bahawa dia mempunyai sikap panas baran serta kurang sabar. Menurutnya, kejadian berpunca dari tekanan akibat ejekan mangsa, lalu mencetuskan pergaduhan tersebut. Laporan ini disediakan berdasarkan kepada temubual dan disilang rujuk dengan Laporan Akhlak yang telah dikemukakan di dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak oleh Pegawai Kes.

LATAR BELAKANG DAN KEFUNGSIAN TERKINI KLIEN

Calvin telah dilahirkan dan dibesarkan di dalam sebuah keluarga yang agak mewah. Bapanya bernama Albert Shin (bukan nama sebenar), mempunyai syarikat edaran kenderaan di Kuala Lumpur

manakala ibunya, bernama Margaret Liew (bukan nama sebenar) merupakan suri rumah sepenuh masa. Hasil perkongsian hidup Albert dan Margaret telah melahirkan dua orang anak iaitu seorang anak lelaki, Calvin dan seorang anak perempuan, yang diberi nama Catherine (bukan nama sebenar).

Pada hari pertama Calvin ditempatkan di STB, Pegawai Kes telah bertemu dan menemubualnya. Adalah didapati bahawa Calvin mempunyai bentuk fizikal yang lebih tegap dan lebih tinggi berbanding kanak-kanak lain seusianya. Menurut Calvin, dia adalah seorang yang sihat dan aktif serta tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan. Dari sudut nutrisi makanan, Pegawai Kes mendapati Calvin tidak mempunyai sebarang kekurangan nutrisi sepanjang tumbesarnya. Calvin juga tidak mempunyai sebarang alahan terhadap makanan.

Apabila ditanya mengenai punca pergaduhan, Calvin memaklumkan bahawa dia merasa marah dan terhina di atas ejekan yang telah dibuat oleh kawan-kawan sekolahnya. Ejekan tersebut telah dibuat secara berulang kali sehingga menyebabkan Calvin hilang sabar lalu bertindak memukul kawannya dan menyebabkan kecederaan yang serius. Namun yang demikian, Calvin enggan menceritakan dengan lebih lanjut, apakah ejekan yang telah dibuat ke atasnya. Menurut Calvin, dia tidak mempunyai sebarang masalah atau rekod disiplin di sekolahnya dan mempunyai sejarah pergaulan yang baik dengan rakan-rakan sekolahnya.

Setelah ditanya beberapa soalan berkaitan hubungan Calvin dengan ahli keluarganya, Calvin menyatakan dia tidak ada masalah hubungan bersama ibu bapanya tetapi Calvin ada menyatakan dia jarang menghabiskan masa bersama bapanya. Calvin memaklumkan bahawa bapanya mempunyai sumber pendapatan yang kukuh sebagai pemilik syarikat edaran kenderaan. Bapanya tidak mempunyai masalah kewangan untuk menyara hidup mereka sekeluarga. Duit perbelanjaan harian bergantung sepenuhnya dari sumber pendapatan bapa Calvin. Selain daripada itu, bapanya juga aktif dalam kegiatan kemasyarakatan setempat sehingga dilantik menjadi Pengerusi kawasan perumahan.

Hasil semakan Laporan Akhlak, didapati bahawa bapa Calvin merupakan orang yang disegani di dalam komuniti setempatnya dan perkara ini disahkan oleh Calvin. Kesibukan bapanya menyebabkan Calvin banyak menghabiskan masa di rumah dan dia secara tidak langsung menjadi ketua keluarga pada kebanyakan masa di rumah. Dia banyak membantu ibu dan adik perempuannya untuk membuat kerja-kerja kebersihan di rumah serta sentiasa mengikut ibu dan adiknya untuk keluar membeli barang-barang keperluan.

Ibunya Margaret, merupakan seorang suri rumahtangga dan jarang melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat sekitar perumahan mereka. Oleh kerana dia tidak bekerja, Margaretlah yang paling banyak menghabiskan masa bersama anak-anaknya. Calvin juga mengakui segala tunjuk ajar banyak diperolehi daripada ibunya. Jika Calvin jatuh sakit, ibunya adalah satu-satu individu yang sentiasa berada disampingnya dan berusaha mengubatinya. Hal ini berlaku kerana bapanya sering sibuk dengan kerjayanya serta aktiviti-aktiviti persatuan sosial yang dia ceburi.

Laporan Akhlak juga menyatakan bahawa Calvin merupakan seorang anak yang mengambil berat terhadap adiknya bernama Catherine yang berumur 14 tahun. Mereka berdua bersekolah di sekolah yang sama. Menurut Calvin, hubungan dengan adiknya sangat rapat dan mesra namun sering juga bertengkar, terutamanya pada musim cuti sekolah kerana kedua mereka akan berada di rumah. Apabila pertengkaran berlaku, ibunya akan menjadi pendamai. Dia juga memaklumkan pertengkaran dengan adiknya tidak bermaksud dia membenci adiknya, akan tetapi perkara itu berlaku apabila adiknya suka membuat bising di rumah ketika dia sedang berehat.

Pada pertemuan tersebut, Calvin kelihatan gementar dan agak keliru dengan kehidupan barunya di STB. Apabila ditanya mengapa dia berperasaan begitu, dia membalas bahawa dia rasa kekok dengan keadaan persekitaran yang baru kerana dia tidak pernah bercampur dengan ramai kawan-kawan yang berbilang bangsa. Dia juga merasa sedih kerana berpendapat bahawa penempatannya di situ merupakan satu bentuk hukuman akibat kesalahan yang telah dilakukannya.

Pegawai Kes mendapati Calvin fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, Pegawai Kes telah menjelaskan peraturan-peraturan sekolah yang ada kepada Calvin dalam bahasa yang mudah difahaminya. Setelah menjelaskan peraturan dan proses pemulihan di STB, Calvin kelihatan lebih tenang dan berazam untuk mendapatkan perubahan di dalam tingkah lakunya.

Calvin mula berkongsi matlamatnya di STB dan bagaimana dia ingin mendapatkan hak keistimewaan bercuti bersama keluarga. Perkembangan ini penting kerana di dalam diri Calvin telah dapat menerima akan penempatannya di sekolah tersebut. Calvin juga telah menetapkan satu matlamat iaitu, untuk mendapatkan cuti bersama keluarga, seterusnya menamatkan perintah dengan jayanya. Hal ini juga menunjukkan Calvin telah mempunyai matlamat yang jelas tentang perkara yang ingin dicapainya sewaktu berada di sekolah tersebut agar dapat segera pulang ke pangkuan keluarganya.

Pegawai Kes mendapati, masalah utama yang dihadapi Calvin ialah sikapnya yang panas baran. Perkara ini turut diakui oleh Calvin sendiri, di mana dia mengatakan bahawa dia sukar untuk mengawal kemarahannya jika berlaku perselisihan faham dengan orang lain. Bagi membolehkan Calvin menjalani pemulihan dengan baik dan supaya dia tidak lagi mengulangi perkara yang sama apabila tamat perintah kelak, Pegawai Kes telah menetapkan supaya Calvin mengikuti sesi konsultasi bersama dengan Pegawai Kes, sebanyak dua kali seminggu antara jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Dalam masa dua minggu yang pertama, Calvin hanya berjumpa dengan Pegawai Kes sekali seminggu sahaja iaitu pada sebelah petang antara jam 6.00 petang hingga 7.00 malam, berlawanan dengan jadual yang telah ditetapkan kepadanya. Apabila ditanya oleh Pegawai Kes, Calvin menyatakan bahawa "tuan, saya sibuk join kawan-kawan main, cuci kem, tolong-tolong mereka". Oleh yang demikian, untuk melancarkan sesi konsultasi pada masa akan datang Pegawai Kes dan Calvin bersetuju untuk menetapkan sesi konsultasi yang baru iaitu sekali seminggu antara jam 6.00 petang hingga 7.00 malam. Maklumat 'kesibukan Calvin' dilihat satu

perkembangan positif terhadap dirinya. Pegawai Kes mendapati Calvin sudah mulai boleh bergaul dengan penghuni lain dan telah dapat menyesuaikan diri dengan aktiviti-aktiviti sekolah.

Di samping itu, Pegawai Kes juga telah merujuk Calvin kepada Pegawai Displin sekolah untuk menyemak rekod kesalahan dalaman Calvin. Hasil semakan Buku Rekod disiplinnya mendapati tiada rekod kesalahan dalaman yang dicatatkan. Ini menunjukkan dia mampu mematuhi peraturan dan disiplin yang ditetapkan sekolah dan tidak ada masalah tingkah laku yang lain sepanjang ditempatkan di sekolah tersebut.

Hasil semakan Buku Rekod Lawatannya pula mendapati sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan ibu dan adiknya akan datang melawat Calvin. Bapanya juga hadir dalam beberapa siri lawatan tersebut. Ini menggambarkan bahawa hubungan Calvin dengan keluarganya masih utuh dan tidak disisihkan oleh keluarga. Mereka mengambil berat akan keadaan Calvin dan memberi sokongan moral kepadanya agar dapat menghabiskan perintah tersebut dengan baik.

Setelah beberapa bulan, Calvin dapat mengikuti aktiviti-aktiviti yang telah dirancang untuknya. Perkara ini dimaklumkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Pelatih STB oleh penyelaras-penyelaras aktiviti yang diceburinya. Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Pelatih STB ini berlangsung sebanyak tiga kali dalam setahun bagi memantau perkembangan para penghuni yang ditempatkan di situ. Pegawai Kes juga mendapati Calvin sudah mampu mengawal dirinya dan dapat berdikari dengan baik serta bergiat aktif melakukan aktiviti bersama rakan-rakan pelatih yang lain.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Calvin mempunyai masalah untuk mencari '*role model*' sebagai seorang lelaki yang bertanggungjawab terhadap ibu dan adik perempuannya. Perkara ini terjadi kerana dirumahnya hampir tiada "*role model*" yang bersesuaian. Sepertimana yang dijelaskan di dalam Teori Ekologi yang telah diperkembangkan oleh Urie

Bronfenbrenner (1917). Teori perkembangan ekologi adalah teori yang menekankan pengaruh persekitaran ke atas perkembangan individu.

Pada pandangan Pegawai Kes, bapanya sepatutnya menjadi orang yang terbaik untuk Calvin contohi dan dijadikan sumber inspirasi. Namun, disebabkan oleh kesibukan bapanya, Calvin terpaksa menggantikan peranan bapa sebagai seorang ketua keluarga tanpa panduan yang secukupnya. Calvin mula mempunyai sikap "*over protective*" terhadap ibu dan adik perempuannya sehingga Calvin terlibat dengan insiden pergaduhan dengan kawan sekolahnya yang ketika itu mengejek ibu dan adik perempuannya hampir setiap kali berjumpa.

Selain dari itu, Calvin juga telah dirujuk kepada pegawai kaunselor sekolah untuk melakukan beberapa ujian atau program yang boleh mengenalpasti punca dan tahap panas barannya. Perancangan juga dibuat supaya Calvin bercampur dengan kumpulan umur yang hampir sama atau lebih tua dengannya untuk meluaskan lagi pergaulannya, seterusnya membolehkan Calvin berkembang sebagai remaja yang boleh bertolak ansur, berkepimpinan, berkeyakinan, boleh menerima teguran dan sebagainya.

Calvin juga turut didaftarkan untuk mengikuti Kelas Fotografi, aktiviti kokurikulum di dalam bidang kesukarelaan dan Projek Tunas Agro dalam bidang pembenihan udang galah serta aktiviti sukan tinju. Selain itu, Calvin perlu mengikuti program pengurusan kemarahan di bawah kelolaan Pegawai Kaunselor. Memandangkan Calvin mempunyai latar belakang akademik yang bagus, Pekerja Kes berpendapat bahawa Calvin mempunyai potensi dan peluang yang besar untuk memperolehi masa depan yang lebih baik, maka pihak sekolah menyarankan agar Calvin mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai calon persendirian.

Setelah diberi nasihat dan motivasi oleh Pegawai Kes, Calvin telah bersetuju untuk mengambil peperiksaan SPM. Oleh yang demikian, pihak sekolah telah bertindak melantik beberapa orang guru dari sekolah aliran perdana yang berhampiran untuk membantu Calvin mempersiapkan diri bagi menghadapi peperiksaan SPM. Hasilnya,


Calvin lulus peperiksaan SPM dan pihak sekolah berusaha pula untuk mendapatkan kursus jangka pendek kepada Calvin pada peringkat yang lebih tinggi.

Hasil intervensi yang dijalankan, Calvin berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma di dalam bidang Fotografi Pelancongan anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Alchemist Training Academy. Calvin menyatakan dia meminati bidang ini dan dia telah berjaya melepasi peringkat awal pengajian. Calvin kemudiannya telah dipilih untuk mengikuti latihan praktikal di Aquaria KLCC untuk mempraktikkan kemahiran fotografinya. Di samping itu, Calvin juga diberikan elaun bulanan sebagai insentif praktikalnya.

Calvin menyatakan perasaannya dengan pencapaian sendiri kerana selama ini, tidak pernah mengimpikan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma. Calvin juga memaklumkan, keluarganya turut gembira dengan perkembangan terkini Calvin. Kini Calvin melaporkan dia boleh mengawal sifat panas barannya dan bersikap lebih terbuka terhadap persekitarannya. Laporan Kaunseling Calvin juga adalah positif dan selari dengan tahap perkembangan Calvin yang bertambah baik.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Apakah pendapat anda terhadap intervensi yang telah diambil oleh Pekerja Kes?
2. Berasaskan kepada analisis SWOT, cuba kenalpasti elemen-elemen yang berkaitan analisis SWOT dalam kes ini.
3. Pada pendapat anda, adakah keluarga ini juga perlu diberikan intervensi? Bincangkan.



**KES
3** **ALI IMRAN,
BUAH HATIKU SAYANG**

Noor Azimah binti Ahmad Baharom

MAKLUMAT ASAS KES

Ali Imran bin Abdullah (bukan nama sebenar) yang dilahirkan di Hospital Sentul, Kuala Lumpur merupakan anak angkat kepada pasangan Encik Hamizan bin Ismail (bukan nama sebenar) yang berusia 45 tahun dan Puan Hamizah binti Baharudin (bukan nama sebenar) yang berusia 40 tahun. Pasangan tersebut merupakan warganegara dan telah berkahwin sejak 16 tahun yang lalu dan masih belum dikurniakan anak sendiri walaupun mereka telah berusaha melalui perubatan moden dan tradisional. Mereka kemudiannya mengambil keputusan untuk mengambil anak angkat setelah diperkenalkan kepada ibu kandung kanak-kanak melalui seorang kenalan. Ali Imran kini berusia empat tahun dan telah dijaga serta dipelihara oleh mereka dengan penuh kasih sayang.

Melalui temu bual yang dijalankan, Puan Hamizah memaklumkan bahawa ibu kandung kepada Ali Imran merupakan warganegara Indonesia yang bernama Lestari (bukan nama sebenar). Menurut Puan Hamizah lagi, selepas melahirkan Ali Imran, Lestari telah menyerahkan bayinya yang berusia satu hari kepada beliau dan sejak itu, Lestari sudah tidak dapat dikesan sehingga ke hari ini. Mereka juga memaklumkan bahawa mereka mengenali Lestari melalui rakan sekerja Encik Hamizan. Ketika itu, Lestari baru berusia 20 tahun dan mengandung akibat telah terlanjur bersama teman lelakinya yang juga berasal dari Indonesia.

Menurut Puan Hamizah lagi, Lestari memaklumkan bahawa dia menghadapi masalah untuk membesarkan anaknya kerana tujuannya datang ke Malaysia adalah untuk bekerja dan menghantar wang kepada keluarganya. Memandangkan masalah yang dihadapi tersebut, Lestari dengan rela hati telah menyerahkan

Ali Imran kepada Puan Hamizah sekeluarga. Puan Hamizah juga memaklumkan bahawa dia telah membayar kos perubatan hospital tempat Lestari melahirkan bayinya. Puan Hamizah mempercayai bahawa Lestari berasal dari Bandung dan berkemungkinan besar telah pulang ke negara asalnya. Ini kerana dia telah terputus hubungan dengan Lestari setelah Lestari menyerahkan bayi tersebut kepada mereka.

Bayi lelaki tersebut telah diberi nama Ali Imran dan dilahirkan secara pembedahan. Ali Imran merupakan seorang bayi yang sihat dan mempunyai fizikal yang normal. Sepanjang pemerhatian dan sesi temu bual, Ali Imran kelihatan sihat sepanjang dalam jagaan keluarga angkatnya. Ali Imran juga telah diberikan imunisasi yang lengkap dari klinik kesihatan kerajaan. Sepanjang penjagaan mereka, Ali Imran dilaporkan tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan yang serius. Perkembangan fizikal dan tumbesarnya juga seiring dengan usianya yang masih kanak-kanak. Ali Imran telah dijaga secara sepenuh masa oleh Encik Hamizan dan isterinya, Puan Hamizah. Mereka bercadang untuk mulai menyekolahkan Ali Imran seawal usianya lima tahun agar mendapat pendedahan dari segi pelajaran, selaras dengan kanak-kanak lain yang seusia dengannya.

LATAR BELAKANG KES DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Hasil temubual bersama ibu bapa angkat Ali Imran, Encik Hamizan, merupakan seorang peniaga yang berasal dari Seremban, memaklumkan bahawa dia merupakan seorang yang sihat dan tidak mempunyai masalah kesihatan. Manakala, Puan Hamizah pula yang berasal dari Melaka merupakan suri rumah sepenuh masa dan adakalanya membantu perniagaan suami. Dia tidak mengidap sebarang penyakit kronik seperti kencing manis dan darah tinggi yang menjejaskan kesihatannya. Namun, dia pernah menjalani pembedahan membuang cyst di bahagian rahim lima tahun yang lalu dan telah sembuh sepenuhnya. Ini menunjukkan bahawa dari segi fizikal, pasangan suami isteri ini mempunyai kemampuan untuk menjaga dan memelihara Ali Imran dengan baik.

Pasangan suami isteri ini juga memaklumkan bahawa, mereka telah beberapa kali menjalani rawatan kesuburan tetapi masih belum berhasil. Akibat kecewa dengan masalah ketiadaan anak ini, Puan Hamizah pernah mengalami masalah kemurungan. Namun, melalui sokongan moral dari suaminya, dia akhirnya dapat menerima kenyataan tersebut dan tidak lagi berada dalam keadaan murung. Dia juga sering menghabiskan masa bersama anak-anak saudaranya yang masih kecil dan sedikit sebanyak dapat mengubat perasaan dan kerinduan untuk mempunyai anak sendiri. Ini menunjukkan bahawa, dari segi keinginan, pasangan ini benar-benar ingin mempunyai anak sendiri dan Pegawai Kes berpendapat, mereka tidak akan mengabaikan anak tersebut, malah akan menjaganya dengan penuh kasih sayang.

Selain itu, dari segi persediaan untuk mengambil anak angkat, walaupun pasangan ini tiada pengalaman dalam membesarkan anak, namun sebelum Ali Imran dilahirkan, Puan Hamizah menyatakan dia telah mengambil inisiatif untuk belajar dari saudara maranya mengenai penjagaan dan keperluan bayi yang baru lahir. Setelah mengambil Ali Imran ke dalam jagaannya, dia sentiasa bertanya kepada rakan-rakan dan jiran untuk mempelajari dan lebih mendalami ilmu keibubapaan. Mereka juga berusaha untuk menjadi ibu bapa yang sempurna dengan menghadiri tiga siri Program Keibubapaan anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Hasil dari Program tersebut, mereka melaporkan lebih memahami tentang perkembangan kanak-kanak sejak dilahirkan sehingga kini.

Dari segi ekonomi, keluarga ini kelihatan berkemampuan untuk menyara keluarga. Ekonomi keluarga angkat ini didapati stabil walaupun hanya Encik Hamizan sahaja yang bekerja. Dia bekerja sebagai penyelia di Syarikat Air Negeri Sembilan dengan gaji pokok RM 3,000.00 sebulan. Selain itu, dia juga ada menjalankan perniagaan penyelenggaraan paip dan pendawaian elektrik dengan pendapatan bulanan lebih kurang RM 2,000.00 sebulan. Pendapatan lebih kurang RM 5,000.00 sebulan itu digunakan untuk membayar ansuran rumah sebanyak RM 500.00 sebulan. Selain itu, dia juga mempunyai kereta Nissan Grand Livina 1.8cc yang telah habis dibayar. Dengan pendapatan ini mereka tidak mempunyai

masalah dalam menampung sara hidup keluarga dan kanak-kanak serta memenuhi keperluan keluarga.

Hasil lawatan ke rumah, mendapati keluarga ini tinggal di rumah teres tiga bilik tidur yang dibeli oleh Encik Hamizan dengan harga RM 100,000.00. Suasana rumah yang telah diubahsuai sepenuhnya ini dilengkapi dengan semua peralatan moden dan rumah juga dalam keadaan bersih dan kemas. Ali Imran juga mempunyai biliknya sendiri tetapi masih lagi tidur bersama ibu bapa angkat. Jiran tetangga juga kebanyakannya adalah bangsa Melayu.

Semasa lawatan dibuat, Pegawai Kes sempat bertemu dengan beberapa jiran yang kebetulan berada di kawasan rumah ibu bapa angkat. Kemesraan antara pasangan suami isteri ini dengan jiran-jiran juga adalah memuaskan dan suasana kejiranan juga dirasakan sesuai untuk perkembangan fizikal dan emosi kanak-kanak. Kanak-kanak juga dilihat bermain dengan anak-anak jiran dengan gembira dalam suasana yang ceria.

Perhubungan Ali Imran dengan keluarga angkat sangat baik dan mesra. Menurut Puan Hamizah, semua ahli keluarganya iaitu ibu bapa dan adik beradiknya amat menyayangi Ali Imran. Tambahan pula Ali Imran merupakan seorang yang petah bercakap dan sering membuatkan ramai orang terhibur dengan keletahannya. Pasangan Encik Hamizan dan Puan Hamizah didapati telah menunjukkan kasih sayang dan mengambil berat akan keadaan Ali Imran terutama dari segi kebajikan dan lain-lain keperluan seperti tempat tinggal, makan minum dan pakaian yang telah disediakan dengan sewajarnya dan mencukupi.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Hasil pemerhatian mendapati bahawa Ali Imran telah dibesarkan dalam keadaan yang harmoni dan suasana kekeluargaan yang aman, selesa dan menggembirakan. Walaupun belum bersekolah, namun Ali Imran telah diajar mengenal huruf dan nombor oleh ibu angkat. Selain itu, ibu angkat juga telah mula mengajar Ali Imran mengaji Al-Quran di rumah. Ini dapat dilihat semasa temu bual dengan kanak-kanak apabila dia boleh menyebut huruf dengan baik

selari dengan usianya. Dia juga telah dijaga dan dipelihara seperti anak sendiri dengan penuh kasih sayang.

Ibu bapa angkat berjanji untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada Ali Imran, begitu juga segala keperluannya yang lain supaya Ali Imran membesar dengan baik dari segi keperluan fizikal, emosi dan rohani bersama keluarga angkat. Ibu bapa angkat juga bercadang untuk membuka akaun simpanan untuk Ali Imran bagi menjamin keperluan dia pada masa hadapan. Mereka juga berjanji akan tetap menjaga dan menyayangi kanak-kanak seperti anak kandung mereka walaupun mereka dikurniakan anak sendiri pada suatu masa nanti.

Kehadiran Ali Imran dilihat memberikan kegembiraan bagi kedua ibu bapa angkat memandangkan mereka tidak mempunyai anak kandung sendiri. Ibu bapa angkat dilihat juga telah menjalankan tanggungjawab dengan menyediakan keperluan asas untuk tumbesaran seorang kanak-kanak dan memberi sepenuh kasih sayang kepadanya serta memastikan keselamatan dan supaya anak angkatnya tidak merasai terabai seperti yang dinyatakan dalam Teori Maslow. Selain itu, menurut Teori *Attachment*, kanak-kanak yang diberi kasih sayang sepenuhnya dari kecil akan membesar sebagai seorang yang penyayang, boleh berdikari dan mempunyai keyakinan diri sendiri. Ibu bapa angkat Ali Imran dilihat mampu membesarkannya dalam keadaan kasih sayang.

Pegawai Kes juga telah menerangkan keadaan dan risiko apabila mengambil anak angkat yang bukan warganegara di masa akan datang. Di antaranya ialah isu taraf kewarganegaraan, kemungkinan konflik yang bakal timbul apabila Ali Imran mengetahui bahawa dirinya anak angkat dan sebagainya. Keluarga ini memahami dan menyatakan mereka bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, pengangkatan Ali Imran ini oleh pasangan Encik Hamizan dan Puan Hamizah adalah disokong.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Bincangkan permasalahan yang mungkin akan timbul apabila pasangan mengambil anak angkat bukan warganegara.
2. Senaraikan proses yang perlu dilalui oleh seseorang yang ingin mengambil anak angkat.
3. Apakah perkara-perkara yang perlu dibuat penilaian oleh Pegawai Kes apabila ingin membuat sebarang pengesyoran berkaitan pengangkatan?

KES 4 **GELORA JIWA MUDA AKHIRNYA MEMBAWA BINASA**

Nithiah A/P Palaniandy

MAKLUMAT ASAS KES

Zubir (bukan nama sebenar) merupakan seorang pelajar lelaki berumur 16 tahun yang dituduh merogol rakan sekolah sebayanya. Peristiwa dilaporkan berlaku ketika Zubir berusia 14 tahun melakukan aktiviti seks bersama seorang kanak-kanak perempuan (mangsa) yang dirakam menggunakan telefon bimbit. Perbuatan tersebut telah dilaporkan kepada pihak polis oleh ibu bapa mangsa selepas video perlakuan itu tersebar, setahun selepas kejadian sebenar berlaku. Kertas pertuduhan telah dipanjangkan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling untuk penyediaan Laporan Akhlak setelah Zubir dibebaskan dengan ikat jamin.

Pertemuan pertama Pegawai Kes dengan Zubir telah diadakan di Pejabat Kebajikan dengan ditemani bapanya. Ketika ditanya mengenai kes yang disabitkan, Zubir menyangkal pertuduhan bahawa dia merogol mangsa. Menurutnya, mangsa merupakan kawan sekolah dan juga teman wanitanya sejak dari Tingkatan Satu. Zubir mengaku terlibat dalam video di mana mangsa melakukan seks oral terhadapnya tetapi tidak mengaku ke atas pertuduhan merogol. Zubir masih beranggapan perbuatannya tidak serius sepertimana yang diterangkan oleh Pegawai Kes. Zubir menyatakan mangsa adalah teman wanitanya dan Zubir tidak pernah memaksa mangsa untuk melakukan perkara tersebut. Zubir beranggapan perbuatannya tidak salah kerana teman wanitanya tidak pernah menunjukkan apa-apa tindakbalas seperti marah, menangis atau memutuskan hubungan selepas peristiwa tersebut. Mangsa juga dikatakan membenarkan Zubir merakam peristiwa tersebut.

Ketika ditanya mengenai pengetahuan mengenai seks, Zubir kelihatan tidak selesa untuk menjawab dan hanya tunduk serta

mendiamkan diri. Zubir mengaku tidak pernah didedahkan dengan didikan berkaitan seks atau mengetahui natijah undang-undang berkaitan perbuatannya. Pegawai Kes turut menerangkan secara ringkas mengenai perbuatan Zubir yang akan disiasat di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-Kanak serta peranan Jabatan Kebajikan dalam mengendalikan kes ini.

LATAR BELAKANG KLIEN DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Zubir menuntut di tingkatan empat dan masih bersekolah di sekolah yang sama dengan mangsa. Keputusan Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) Zubir adalah 2B, 3C, 2D dan 3F. Menurut bapanya, Zubir disediakan pelbagai kemudahan pendidikan dan kelas tambahan, namun keputusan yang diperolehi masih kurang memberangsangkan. Waktu persekolahan Zubir adalah pada sesi pagi bermula pukul 7.00 pagi hingga 1.30 tengahari, dihantar dan diambil oleh pemandu peribadi keluarga mereka. Pada hari Rabu, Zubir menyertai latihan bola sepak dan bermain di posisi *goal keeper*. Zubir menggemari pasukan Arsenal dan mengikuti Liga Bolasepak Inggeris (EPL) tanpa gagal. Dari segi pengetahuan agama, Zubir berjaya khatam Al-Quran pada usia 6 tahun, dan telah mendapatkan pendidikan formal agama di sebuah institusi pendidikan swasta.

Zubir merupakan anak keenam dari sembilan orang adik-beradik hasil dari tiga perkahwinan bapanya. Abang sulung Zubir (dari perkahwinan pertama) berumur 22 tahun dan adik bongsu berumur sembilan tahun (dari perkahwinan ketiga). Zubir merupakan anak sulung hasil dari perkahwinan kedua bapanya. Sepanjang menghadapi proses pertuduhan, Zubir telah berubah sikap dari seorang yang dahulunya gemar bersendirian di bilik kepada individu yang takut ditinggalkan bersendirian dan memerlukan ahli keluarga yang lain untuk menemaninya. Zubir menceritakan trauma yang dihadapi bermula dari saat Zubir diminta menaiki kereta polis, ditemubual oleh pegawai penyiasat kes dan berada di balai polis bersendirian sehinggalah ahli keluarganya dibenarkan berjumpanya kembali.

Ketika membuat lawatan ke rumah secara temujanji, lebih 20 orang ahli keluarga turut berada di rumah tersebut. Bapa Zubir telah memberi arahan kepada ketiga-tiga isterinya, kesemua anak-anak serta sepupu berkumpul untuk memberi sokongan kepada Zubir. Menurut abangnya, Zubir tidak cepat mesra dengan sesiapa dan memerlukan masa untuk difahami oleh seseorang yang tidak mengenali dirinya. Bapanya kelihatan dominan dan banyak berinteraksi dengan Pegawai Kes di mana ahli keluarga yang lain hanya memerhati dan menerima arahan dari bapa mereka untuk memberikan pandangan masing-masing.

Pemerhatian menunjukkan bahawa keluarga besar ini tinggal secara harmoni di mana bapa menyediakan tiga buah rumah banglo sederet di sebuah taman perumahan yang eksklusif yang didiami oleh ke semua isterinya. Bapa akan tinggal di ketiga-tiga rumah itu secara bergilir-gilir. Kekayaan yang dipamerkan juga kelihatan luar biasa di mana ahli keluarga ini menikmati segala kemudahan serba mewah.

Bapa Zubir bergelar Dato Sri, berusia 52 tahun dan berasal dari Ipoh, Perak. Dia merupakan anak sulung daripada tujuh orang adik beradik. Nenek Zubir berasal dari Pakistan dan berpendidikan sehingga darjah lima, manakala datuknya seorang warganegara yang tidak mendapat pendidikan secara formal. Bapa Zubir melaporkan tahap pendidikannya adalah setakat darjah tiga kerana tidak minat untuk meneruskan persekolahannya. Dia berkecimpung dalam bidang perniagaan dan kini merupakan pemilik kepada syarikat perkapalan yang sangat berjaya. Menurutnyanya lagi, kehidupan ketika masa mudanya penuh dengan kemiskinan namun atas usahanya membina kerjaya, kini dirinya adalah seorang jutawan memiliki aset yang membanggakan.

Bapa Zubir diperhati sebagai ketua keluarga yang menguruskan segala perihal berkaitan urusan keluarga, kewangan dan jelas berperwatakan autokrasi. Ahli keluarga menunjukkan rasa hormat yang tinggi ke atas dirinya. Dia lantang dalam memberikan pendapat dan bangga di atas kejayaan yang telah dikecapi. Menurut bapa Zubir, keluarganya tidak pernah berhadapan dengan perihal keruntuhan akhlak. Kejadian yang berlaku ke atas Zubir adalah

yang pertama berlaku dalam kalangan keluarga mereka dan dia akan memastikan itu yang terakhir berlaku.

Pemerhatian menunjukkan dia jelas amat kecewa dengan perbuatan Zubir yang dianggap sebagai kejadian yang memalukan. Zubir ditegur secara kasar di hadapan pegawai, namun Zubir hanya tersenyum dan menundukkan kepalanya. Ketika Pegawai Kes berbicara dengan Zubir secara bersendirian, tidak banyak yang mahu dikongsikan bersama. Zubir kelihatan seperti berfikir dan menjawab soalan dengan ringkas. Perwatakan ini dilihat mirip kepada perwatakan ibunya. Zubir ketika ditemui kelihatan bersahaja, tidak gemuruh walaupun pertuduhan ke atas dirinya adalah berat kerana tahap keyakinan terbina dengan adanya kehadiran ahli keluarga.

Ibu Zubir pula, berumur 39 tahun merupakan isteri kedua bapanya. Dia merupakan seorang suri rumah dan berpendidikan sehingga Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Ibu Zubir ketika ditemuramah secara bersendirian menunjukkan kesayuan apabila diminta mengulas pendapat mengenai penglibatan anaknya dalam pertuduhan tersebut. Ibu mengatakan Zubir adalah seorang yang baik, pendiam, ringan tulang dan tidak pernah melakukan apa apa perkara yang menyalahi undang-undang. Ibu juga tidak mahu ditemubual panjang dan meminta kebenaran untuk merujuk bapa apabila menjawab soalan-soalan seterusnya.

Zubir didapati telah memiliki telefon bimbit sejak dia berada di sekolah rendah lagi dan juga pandai memandu kereta walaupun umurnya masih belum layak untuk memandu. Video yang dirakamkan Zubir juga menunjukkan Zubir sedang memandu sebuah kereta mewah untuk membawa teman wanitanya ketika itu ke sebuah tempat sunyi. Zubir diberi kebenaran untuk memandu walaupun ianya menyalahi undang-undang jalan raya. Zubir berpandangan perbuatannya tidak salah kerana abang-abangnya juga berbuat demikian dan mereka merupakan *role model* kepada dirinya.

Zubir dilihat menjalani kehidupan yang normal malah dianggap beruntung dibesarkan dengan segala kemewahan. Zubir turut menjelaskan kereta mewah milik bapa dan abang-abangnya

merupakan daya penarik dan memandu kenderaan tersebut membuatkan rakan-rakan sekolahnya teruja apabila Zubir sering membawa mereka bersiar-siar. Zubir juga mengaku bahawa, perlakuan seks oral yang dilakukan di dalam kereta tersebut adalah berpunca dari perasaan ingin tahu akibat pendedahan yang diperolehi dari melayari internet. Menurutnya, ibu bapanya tidak pernah membuat kawalan dan pemantauan terhadap penggunaan internet dan laman web yang boleh dilayari di rumahnya.

Situasi ini menunjukkan ibu bapanya telah memberi segala keperluan material, namun cara membesarkan anak-anak adalah secara *autoritarian* dan kurang memberikan perhatian kepada anak yang memerlukan intervensi yang berbeza. Ketika ditanya mengenai kebenaran kanak-kanak memandu dan memiliki telefon bimbit, bapa Zubir mengatakan anak-anak perlu didedahkan kepada pembesaran sebegitu mengikut perkembangan dunia yang pantas.

Keperluan material Zubir kelihatan tidak bermasalah dan sangat dipenuhi oleh keluarganya. Namun, Zubir dilihat sedang cuba membina identiti sendiri dengan penjagaan psikologi Zubir yang tidak begitu sempurna, di mana tanggungjawab kedua ibu bapa untuk memberi pengetahuan mengenai harga diri dan perbuatan-perbuatan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat tidak dilaksanakan.

Bapa Zubir dilaporkan mengambil bahagian secara aktif untuk menaja sebuah masjid dalam tempoh masa yang panjang dan setiap ahli keluarga secara sukarela menjalankan aktiviti kemasyarakatan seperti menderma, gotong-royong, menjalankan aktiviti korban serta banyak lagi aktiviti kerohanian. Zubir juga diwajibkan turut serta dan sentiasa kelihatan bersemangat ketika bersama-sama adik beradiknya dalam melaksanakan tugas yang diberi. Zubir juga dikatakan mahir dalam proses memotong daging korban. Zubir adalah pilihan ahli keluarga untuk menjalankan tugas mengazan ketika solat berjemaah. Keluarga ini mempunyai peraturan yang khusus dalam usaha mengeratkan silaturahim seperti solat bersama, masa makan bersama, menonton acara bola bersama dan lain-lain. Keluarga ini kelihatan membudayakan nilai-nilai murni dan Zubir dilihat akur dengan peraturan-peraturan keluarga.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Faktor yang dilihat melemahkan diri Zubir adalah masalah jati diri apabila kemewahan keluarga dianggap sebagai tiket untuk bermegah dan menarik perhatian kawan-kawan. Cara kanak-kanak berfikir adalah lebih kepada meniru gaya bapa yang telah berjaya dalam hidupnya yang menyebabkan Zubir tidak berasa bimbang melakukan sesuatu kesalahan kerana pasti akan dibela oleh bapa atau ahli keluarga yang lain. Zubir juga banyak dipengaruhi oleh persekitaran dalam membentuk keperibadiannya seperti mana yang dijelaskan dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner di mana faktor persekitaran sosial boleh memberi kesan secara hubungan timbal balas terhadap proses pembentukan tingkah laku dan jati diri seseorang. Kajian mendapati bahawa persekitaran memiliki peranan yang cukup penting di dalam usaha membentuk jati diri individu.

Faktor-faktor persekitaran sosial yang dikenal pasti memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu adalah terutamanya daripada ibu bapa, ahli keluarga dan rakan sebaya. Kefahaman kanak-kanak mengenai baik buruk tingkah laku dilihat berada pada paras yang rendah. Keruntuhan akhlak berkaitan perlakuan seks kanak-kanak yang sedang memasuki alam remaja perlu ditangani melalui kesedaran mengenai perubahan fizikal dan emosi yang akan menjurus kepada tarikan kepada jantina lain. Perlakuan seks oral tersebut, jika tidak dikawal akan bertukar kepada kelakuan seks bebas. Untuk itu, ibu bapa mestilah memainkan peranan penting mendepani fasa ini. Kegagalan ibu bapa dalam membendung perkara ini perlu diambil kira sebelum kanak-kanak ini dinilai sebagai *devian*.

Kanak-kanak perlu diberi kesedaran dan pengajaran mengenai kesalahan yang dilakukan. Tahap sosioekonomi kanak-kanak telah mempengaruhi sikap dan pemikiran kanak-kanak. Peranan yang dimainkan oleh ibu bapa sangat besar dalam mencorakkan sikap kanak-kanak dan ianya perlu selari dengan pengetahuan agama dan juga perbuatan. Kanak-kanak berusia 16 tahun masih memerlukan bimbingan dan juga *role model* yang baik dari ibu bapa dan ahli keluarga bagi membentuk akhlak yang mulia dan mengelak dari perlakuan *devian*.

Dengan mengambilkira *for the best interest of the child* dan kekuatan yang ada pada keluarga ini, iaitu dari segi ikatan kekeluargaan, sokongan moral, amalan agama dan kesedaran ibu bapa sepanjang menjalani proses pertuduhan ini, maka Pegawai Kes ingin mengesyorkan agar kanak-kanak diperintahkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat selama tempoh 240 jam secara Agregat dalam tempoh 24 bulan berdasarkan peruntukan Seksyen 91 (1) (da) Akta Kanak-Kanak 2001 (pindaan 2016) dengan syarat tambahan dibawah Seksyen 93 (1) Akta Kanak-Kanak.

Sepanjang tempoh tersebut, Pegawai Kes turut menasihatkan ibu bapa Zubir agar sentiasa membuat pemantauan ke atas kelakuan dan menghadkan masa serta laman web yang boleh diakses oleh Zubir melalui internet. Ibu bapa Zubir juga diminta untuk sentiasa mendidik anak-anak supaya dapat membezakan apa yang betul dan apa yang salah serta mengawal pergaulan mereka bersama kawan-kawannya.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN:

1. Bincangkan pro dan kontra mengenai kaitan di antara kemewahan dan kesejahteraan kanak-kanak.
2. Apakah pandangan anda mengenai keperluan kanak-kanak untuk menerima Pendidikan Seks?
3. Bincangkan intervensi-intervensi lain yang boleh diambil ke atas kes ini.



**KES
5** **IKUT HATI MATI,
IKUT RASA BINASA**

Kamsiah binti Hussain

MAKLUMAT ASAS KES

Muhammad Aidit Rayyan Marzuki (bukan nama sebenar) berusia 17 tahun, 11 bulan dan 11 hari adalah kes akhlak yang dirujuk oleh Pejabat Akhlak, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi penyediaan Laporan Akhlak untuk dikemukakan di Mahkamah Bagi Kanak-kanak Kuala Lumpur. Pertuduhan Rayyan adalah menunggang motosikal di atas jalan raya dengan cara mengangkat tayar hadapan motosikal dan membahayakan diri sendiri serta pengguna jalan raya yang lain. Oleh yang demikian, Rayyan telah melakukan satu kesalahan yang boleh dituduh di bawah Seksyen 42(1) APJ 1987 dan dihukum di bawah akta yang sama.

Rayyan memaklumkan dia bekerja sambilan di Kuala Lumpur dengan berulang alik dari Bukit Beruntung ke Kuala Lumpur dengan menggunakan motorsikal. Sepanjang bulan pertama Rayyan bekerja, semuanya dilaporkan berjalan dalam keadaan baik sehinggalah pada malam tersebut di mana Rayyan memiliki keinginan untuk mencuba sesuatu yang boleh menjejaskan keselamatannya dan orang lain. Pada jam tiga pagi di Jalan Raja Laut, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dalam perjalanan balik ke rumahnya di Bukit Beruntung, Rayyan telah melihat beberapa orang remaja menunggang motorsikal dengan cara mengangkat tayar sewaktu berhenti di satu lampu isyarat. Rayyan memaklumkan buat pertama kali dalam hidupnya teringin untuk mencuba dan pada masa itulah sebuah kereta peronda polis tiba-tiba telah ternampak dan menahan Rayyan atas kesalahan memandu secara melulu.

LATAR BELAKANG KLIEN DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Rayyan merupakan seorang remaja berketurunan Melayu dan beragama Islam. Dia merupakan anak bongsu yang mempunyai lima orang adik-beradik iaitu tiga orang abang dan seorang kakak. Dia masih mempunyai ibu dan bapa. Rayyan merupakan anak bongsu daripada lima orang adik-beradik. Abang sulung Mohd Ikhwan Radzi Marzuki (bukan nama sebenar), berusia 25 tahun, masih bujang dan bekerja sebagai Operator Pengeluaran di sebuah kilang di Hulu Selangor. Pendapatannya adalah sebanyak RM 1,500.00 sebulan dan masih tinggal bersama keluarga. Abang kedua bernama Muhammad Irshad Elyas bin Marzuki (bukan nama sebenar), berusia 24 tahun, masih bujang dan bekerja sebagai mekanik di sebuah bengkel kereta di Hulu Selangor. Pendapatan bulannya adalah sebanyak RM 1,500.00 sebulan, juga masih tinggal bersama keluarga. Abang ketiga bernama Muhammad Aiman Hakim bin Marzuki (bukan nama sebenar), berusia 21 tahun, masih bujang dan bekerja dengan syarikat kontraktor yang menanam rumput karpet. Pendapatan bulannya adalah dalam anggaran RM 80.00 sehari. Manakala kakaknya bernama Nurul Aina Tasneem binti Marzuki (bukan nama sebenar), berusia 19 tahun. Kakaknya masih bujang dan bekerja sebagai Pembantu Jualan di sebuah butik pakaian di Bukit Beruntung serta mempunyai pendapatan RM 1,200.00 sebulan, juga masih tinggal bersama keluarga. Menurut ibunya, hubungan Rayyan dan adik-beradiknya adalah baik dan mesra. Walau bagaimanapun, Rayyan lebih rapat dengan abang ketiga di mana mereka kerap keluar bermain futsal bersama.

Bapa Rayyan bernama Encik Marzuki bin Abdul Salam (bukan nama sebenar), berusia 54 tahun. Dia bekerja sebagai pemandu lori di syarikat makanan di Kepong, Kuala Lumpur dengan gaji RM 2,000.00 sebulan. Waktu bekerja adalah dari jam 8 pagi dan balik ke rumah pada jam 11 malam. Ibu Rayyan menyatakan suaminya tiada mengalami masalah kesihatan. Ibu Rayyan ialah Puan Rosemariana binti Iskandar (bukan nama sebenar), berusia 53 tahun dan dilaporkan tidak mengalami masalah kesihatan. Dia bekerja sendiri iaitu berniaga nasi lemak di gerai milik sendiri di hadapan sebuah kilang dari jam 6.00 pagi hingga 9.00 pagi dari hari Isnin hingga hari Sabtu.

Pendapatan hariannya dianggarkan sebanyak RM 200.00 sehari. Pendapatan bulanan bersih pula dilaporkan adalah lebih kurang RM 4,000.00 sebulan. Memandangkan ibu Rayyan bekerja sendiri, maka masa Rayyan lebih banyak diluangkan bersama ibu berbanding bapa. Namun, hubungan Rayyan dengan bapa adalah baik di mana ketika hari bercuti, bapa akan meluangkan masa seperti makan bersama dan berbual-bual bersama ahli keluarga.

Ibu Rayyan memaklumkan suaminya lebih tegas berbanding dirinya. Bagi merapatkan hubungan kekeluargaan, ibu Rayyan menetapkan setiap hujung minggu sebagai masa bersama keluarga dengan masak dan makan bersama-sama. Daripada perbualan bersama ibu Rayyan, didapati ibu Rayyan seorang ibu yang penyayang dan mengambil berat mengenai hal ehwal semua anak-anaknya.

Menurut ibunya, Rayyan dilahirkan dalam keadaan sihat dan normal di Hospital Besar Kuala Lumpur. Tumbesaran Rayyan yang dimaklumkan oleh ibunya adalah seiring dengan usianya di mana dari segi fizikal, Rayyan adalah seorang yang kurus dan tinggi serta agak tegap sesuai dengan tubuh badan seorang yang aktif bersukan.

Rayyan mendapat pendidikan rendah di SK Bukit Beruntung 1 dari darjah satu hingga darjah enam. Dia kemudian menyambung pelajaran ke tingkatan satu hingga tingkatan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Beruntung. Menurut ibunya, perkembangan pelajaran Rayyan berada dalam tahap yang agak memberangsangkan di mana dalam setiap peperiksaan utama Rayyan lulus dalam semua mata pelajaran dengan agak cemerlang. Ini dapat dibuktikan melalui salinan sijil-sijil persekolahan dan keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang mana Rayyan mendapat keputusan 6A dan layak masuk ke sekolah berasrama penuh. Namun, ibunya tidak membenarkan kerana tidak mahu berpisah dengan Rayyan.

Sepanjang berada di sekolah, Rayyan juga dilaporkan seorang yang aktif dan berbakat dalam bidang sukan. Semasa di sekolah rendah, Rayyan mewakili sekolahnya dalam sukan bola sepak. Manakala di sekolah menengah, Rayyan mewakili sekolahnya

dalam sukan sepak takraw. Jika ada masa lapang, Rayyan juga akan bermain futsal bersama rakan-rakan di kawasan perumahan dan juga bersama abangnya.

Selain gemar bersukan, ibu kanak-kanak juga menyatakan Rayyan seorang yang ringan tulang dan sering membantu ibunya berniaga nasi lemak. Dalam masa yang sama, Rayyan juga mengambil upah dengan bekerja di syarikat catering kepunyaan jirannya iaitu membantu membuka dan memasang khemah. Upah yang diperolehi digunakan untuk kegunaan sendiri dan juga diberi kepada ibunya untuk disimpan.

Bagi mencari pengalaman baru, Rayyan meminta izin dari keluarga untuk bekerja sambilan sebagai penghantar makanan di Restoran McDonald's, Bangsar, Kuala Lumpur. Pada peringkat awal, abang sulungnya membantah dan tidak membenarkan Rayyan bekerja jauh dari keluarga kluatir keselamatan Rayyan yang terpaksa berulang-alik jauh dari rumah. Namun, Rayyan yang telah mempunyai lesen memandu berjanji akan menjaga diri dengan baik. Justeru itu, keluarga telah mengizinkan Rayyan bekerja di Kuala Lumpur dengan syarat menjaga dirinya dan nama baik keluarga sebaik mungkin.

Ibu Rayyan menyatakan kanak-kanak seorang yang suka berjimat dan wang gaji pertama melalui kerja sambilannya dengan Restoran McDonald's sebanyak RM 650.00 telah diberi kepada ibunya untuk melaksanakan ibadah korban untuknya. Oleh itu, apa yang menimpa Rayyan adalah di luar kawalan ibu bapa dan mereka amat terkejut apabila dimaklumkan Rayyan terlibat dalam kes ini.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Secara keseluruhannya, Pekerja Kes mendapati Rayyan ingin mencuba sesuatu yang baru dalam hidupnya. Ini adalah kerana pengakuan Rayyan sendiri yang menyatakan dirinya ingin mencuba sesuatu yang tidak pernah dilakukannya sebelum ini. Rayyan juga menyatakan pengalaman kali pertama berjauhan dengan keluarga membuatkan dirinya bebas melakukan perkara

yang disukai tanpa memikirkan baik buruknya. Selepas kejadian tersebut, Rayyan menyatakan kekesalan dan bertekad untuk tidak mengulangi kesilapan yang sama dalam hidupnya. Apatah lagi Rayyan mempunyai masa depan yang cerah dan bercita-cita untuk menyambung pelajaran dalam bidang sains sukan.

Sepanjang Rayyan berada di rumah, dia dilaporkan seorang yang mendengar kata dan tidak pernah menyusahkan keluarga. Rayyan juga pandai berdikari dan sentiasa menghormati orang tua. Selain itu, keluarga juga mengaku kemungkinan kurangnya perhatian yang diberikan terhadap Rayyan sehingga perkara ini terjadi. Keluarga berjanjikan memberikan lebih perhatian terhadap Rayyan. Daripada pemerhatian, Pekerja Kes mendapati Rayyan merupakan seorang kanak-kanak yang baik, cuma tersilap langkah. Keluarganya juga masih mampu untuk menjaga dan membimbingnya menjadi insan yang lebih baik.

Menurut rekod Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Selangor, ini merupakan kesalahan Rayyan yang pertama. Sebelum ini, Rayyan tidak pernah terlibat dengan sebarang aktiviti jenayah. Hasil semakan di sekolah juga mendapati kanak-kanak tidak pernah terlibat dalam kes pelanggaran disiplin. Pekerja Kes percaya Rayyan boleh dipulihkan dan keluarga dilihat mampu untuk menjaga dan mengawal kanak-kanak.

Oleh yang demikian, sebagai cadangan kepada mahkamah, disyorkan agar kanak-kanak dikenakan perintah Bon Bekelakuan Baik di bawah Seksyen 91(1)(b) Akta Kanak-kanak 2001 dan tambahan di bawah Seksyen 93 Akta yang sama.

Selain itu, Pekerja Kes memaklumkan kepada keluarga dan Rayyan sendiri implikasi sekiranya Rayyan engkar perintah seperti yang disyorkan oleh Pegawai Kes. Keluarga juga disarankan, terutama abang yang rapat dengan Rayyan untuk sering berbincang dengan Rayyan mengenai situasi remaja masa kini yang kerap ingin mencuba sesuatu yang baru tanpa memikirkan implikasinya kepada mereka. Pekerja Kes juga menasihatkan Rayyan untuk sentiasa berhati-hati dan berfikir semasak-masaknya atas setiap perbuatan yang dilakukannya. Rayyan dinasihatkan agar berani mengambil

risiko atas keputusan yang diambil olehnya kerana dia mempunyai masa depan yang cerah dan tidak sepatutnya mensia-siakan usia mudanya begitu sahaja.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Bincangkan bagaimana persekitaran memainkan peranan dalam pembentukan akhlak dan tingkahlaku kanak-kanak.
2. Bincangkan kepentingan intervensi keluarga di dalam kes ini.
3. Apakah pandangan anda mengenai cara Pekerja Kes mengendalikan kes ini?

KES 6 **MENCARI PELUANG UNTUK MENGGAJAI KEBAHAGIAAN**

Siti Syafiqah binti Hassan

MAKLUMAT ASAS KES

Kes ini telah dirujuk kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Putrajaya oleh sebuah firma guaman yang beroperasi di Kuala Lumpur. Kes ini berkaitan permohonan pengangkatan bayi perempuan berusia lapan bulan bernama Priya (bukan nama sebenar) oleh sepasang suami isteri, yang bernama Ajay (bukan nama sebenar) dan Mala (bukan nama sebenar). Pekerja Kes telah membuat lawatan dan temubual pasangan ini di rumah kediaman mereka. Hasil semakan di pejabat, pasangan ini baru pertama kali membuat permohonan mengambil anak angkat di pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Temubual telah dijalankan secara bersemuka antara Pekerja Kes dan pasangan ini.

Temubual telah dijalankan secara bersemuka di mana menurut Mala, Priya dilahirkan di sebuah hospital di Kedah. Mala dan Ajay memaklumkan bahawa mereka mengetahui tentang Priya melalui kawan Ajay, iaitu abang kepada ibu kandung Priya. Ibu kandung Priya bernama Devi (bukan nama sebenar) berumur 17 tahun dan telah hamil luar nikah, namun tidak berhasrat untuk menjaga atau memelihara bayinya. Devi dan pasangannya merupakan warganegara, telah dilahirkan dan dibesarkan oleh kedua ibu bapa yang turut merupakan warganegara Malaysia.

Pekerja Kes telah dimaklumkan bahawa Devi telah melahirkan anak tersebut di luar ikatan perkahwinan yang sah. Dia tidak sanggup menyara dan memelihara bayinya memandangkan dia masih muda dan berhasrat untuk melupakan peristiwa tersebut. Mala memberitahu, mereka tidak pasti sama ada Devi masih bersekolah atau tidak. Mereka hanya berjumpa semasa Devi menyerahkan Surat Akuan Berkanun bagi Keizinan Pengangkatan di sebuah

daerah di Kedah. Pada ketika itu, dimaklumkan tidak banyak komunikasi yang berlaku antara mereka kerana Devi tidak banyak bercakap. Jadi, perjumpaan tersebut hanya berlaku dalam masa yang singkat sahaja.

Menurut Mala dan Ajay juga, mereka telah pergi ke Hospital di Kedah pada hari Priya dilahirkan dan telah melihat Priya buat kali pertama di wad NICU di hospital tersebut. Mereka mendapati Priya merupakan seorang bayi yang telah dilahirkan dalam keadaan sihat dan sempurna tanpa sebarang kecacatan. Namun, Mala memaklumkan bahawa mereka tidak berjumpa dengan Devi di hospital kerana ketika itu dia telah pulang ke rumah setelah menyerahkan penjagaan bayinya kepada Mala dan Ajay. Malah pihak hospital juga telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut. Selepas beberapa hari, pihak hospital telah menelefon Mala untuk hadir ke hospital bagi urusan pendaftaran keluar bayi tersebut. Sejak hari itu, mereka telah menjaga bayi tersebut sehingga ke hari ini dan menamakannya Priya.

Ajay (bukan nama sebenar) berumur 49 tahun memberitahu Pekerja Kes yang dia dilahirkan dan membesar di Kedah sehingga darjah lima. Kemudian, Ajay telah berpindah ke Perak bersama keluarganya. Ajay merupakan anak bongsu daripada lima orang adik beradik. Selepas menamatkan zaman persekolahan, Ajay melaporkan dia terus bekerja dan menyambung pengajian di universiti awam dalam jurusan Diploma *Business Management*. Ajay kini bekerja sebagai pengurus bangunan di Kuala Lumpur.

Mala (bukan nama sebenar) melaporkan dia berasal dari Perak dan berumur 43 tahun. Mala merupakan anak keempat daripada lima orang adik-beradik. Selepas tamat zaman persekolahan, Mala memberitahu dia melanjutkan pelajaran ke tahap diploma di sebuah kolej swasta di Perak dalam jurusan kejuruteraan. Selepas tamat pengajian, Mala telah bekerja di sebuah kementerian di Putrajaya. Hasil daripada temubual juga mendapati pasangan ini telah berkahwin hampir 10 tahun.

Sepanjang perkahwinan, Mala memaklumkan dia tidak pernah hamil dan pernah mendapatkan rawatan kesuburan di hospital.

Kesungguhan pasangan ini untuk mempunyai anak dapat dilihat apabila dia melaporkan pernah menjalani rawatan *Intrauterine Insemination* (IUI) sebanyak tiga kali namun tidak berjaya. Oleh yang demikian, Mala dan Ajay selalu berbincang dan bercadang untuk mengambil Priya sebagai anak angkat, memandangkan usia mereka sudah meningkat dan kebarangkalian untuk hamil adalah tipis.

Menurut Mala, apabila Priya diserahkan ke dalam jagaannya, dia sendiri telah menjaga Priya seperti anak kandungnya dengan mengambil cuti tanpa gaji selama tiga bulan. Mala mengatakan bahawa, dia dan Ajay amat menyayangi Priya dan akan menjaganya sebaik yang termampu. Kehadiran Priya juga dilaporkan telah menceriakan kehidupan mereka sekeluarga.

LATAR BELAKANG KLIEN DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Priya dilaporkan telah dipelihara oleh Mala dan Ajay semenjak berumur lima hari sehingga kini. Menurut Ajay, hubungan mereka dengan Priya sangat rapat, begitu juga dengan ahli keluarga yang lain. Mala memaklumkan pernah membawa Priya ke majlis keraian untuk memperkenalkan anak angkatnya kepada ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat handai. Semasa lawatan ke rumah, Priya kelihatan sangat manja dan selesa berada di samping keluarga angkat. Menurut Mala, mereka telah menyediakan keperluan Priya mengikut kesesuaian dan kemampuan mereka.

Mala memaklumkan bahawa Priya tidak pernah mengalami sebarang masalah kesihatan yang serius sepanjang dalam tempoh penjagaan mereka. Priya dilaporkan pernah dijangkiti demam kuning (jaundis) tetapi tidak serius dan mengalaminya dalam tempoh seminggu sahaja. Priya dilaporkan seorang bayi yang senang memakan ubat dan mudah untuk dijaga. Mala memaklumkan bahawa Priya tidak mempunyai sebarang alahan. Priya telah diberi suntikan imunisasi dan vaksin yang diwajibkan.

Mala dan Ajay memaklumkan mereka tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan keluarga kandung Priya. Selepas

Priya diserahkan dalam jagaan Mala dan Ajay, ibu kandung Priya tidak pernah melawat Priya. Semenjak Priya dijaga sehingga kini, Mala dan Ajay telah menjaga dan membesarkan sebagai ibu bapa kepada Priya. Perbelanjaan seperti perubatan, tempat tinggal dan makan minum juga telah disediakan dan diuruskan sepenuhnya oleh Mala dan Ajay untuk kesejahteraan anak angkatnya.

Lawatan dan temubual oleh Pekerja Kes telah dijalankan ke rumah sewa Mala dan Ajay. Rumah mereka adalah rumah jenis apartmen dan telah didiami selama sembilan tahun. Rumah tersebut mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air serta dilengkapi dengan perabot asas seperti sofa, meja makan, televisyen dan ruang dapur. Priya dilaporkan tidur sebilik dengan Mala dan Ajay yang dilengkapi katil, almari pakaian dan barangan kanak-kanak. Rumah mereka kelihatan kemas dan bersih manakala jiran tetangga terdiri dari pelbagai kaum.

Secara keseluruhan, didapati keadaan ekonomi Mala dan Ajay berada di tahap yang stabil dengan pendapatan bulanan pasangan ini berjumlah RM 7,360.00 sebulan. Mereka mempunyai sebuah kereta iaitu Perodua Myvi yang telah diselesaikan bayaran pinjaman. Menurut Ajay, mereka kini sedang proses mencari rumah setingkat untuk dijadikan aset keluarga mereka. Tambah Mala lagi, mereka mempunyai sejumlah wang simpanan di pelbagai bank yang dianggarkan berjumlah lebih kurang RM 100,000.00 untuk kegunaan di masa kecemasan. Mereka juga memaklumkan tidak mempunyai masalah dan mampu menyara Priya berdasarkan pendapatan, simpanan wang dan aset yang dimiliki mereka.

Melalui pengangkatan ini, Mala dan Ajay memaklumkan mereka berazam untuk memberikan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada Priya. Mala dan Ajay juga memaklumkan akan berusaha sedaya upaya untuk menjadi ibu bapa dan penjaga yang terbaik kepada Priya. Mereka berjanji akan memberikan pemeliharaan serta penjagaan yang sewajarnya dengan penuh kasih sayang kepada Priya.

Mala dan Ajay juga telah membuat beberapa perancangan untuk Priya yang melibatkan persekolahan, melanjutkan pelajaran dan

membuka akaun bank untuk Priya di bank demi menjamin masa depan Priya. Mereka bercadang akan menghantar Priya ke sekolah yang berorientasikan Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Bahasa Melayu. Segala tabungan dan insuran akan mula dilaksanakan dan akan dimuktamadkan setelah selesai proses pengangkatan dan lain-lain proses yang berkaitan untuk pengangkatan ini.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Berdasarkan penilaian Pekerja Kes, pasangan ini kelihatan sangat menyayangi Priya dan amat mementingkan kesejahteraan dan kebajikan Priya demi memastikan perkembangan fizikal dan emosi yang baik, seiring dengan usianya. Pekerja Kes juga mendapati bahawa pasangan ini telah membuat persiapan awal bagi mengelakkan risiko kewangan, keciciran dalam pelajaran atau risiko kesihatan, serta memastikan penerimaan Priya oleh ahli keluarga, kawan-kawan dan jiran-jiran. Selain itu, pasangan ini juga mempunyai tingkah laku dan peribadi yang baik dan mampu membimbing Priya menjadi individu yang cemerlang pada masa akan datang.

Sekiranya Priya tidak diambil sebagai anak angkat oleh pasangan ini, berkemungkinan kebajikan Priya akan terjejas kerana ibu kandung Priya masih muda, tidak berminat dan tidak berhasrat untuk menjaga Priya. Pekerja Kes berpendapat ibu kandung masih belum matang dan tiada pengalaman menjaga kanak-kanak serta masih mempunyai masa yang panjang untuk berkahwin. Oleh itu, terdapat risiko penganiayaan yang mungkin boleh berlaku kepada kanak-kanak ini.

Pekerja Kes juga melihat kes ini boleh dihubungkan dengan Teori Hierarki Keperluan Maslow.

- 1. Keperluan Fisiologi:** Pekerja Kes melihat bahawa keperluan Priya mampu disediakan oleh keluarga ini. Sekiranya Priya tidak diambil dan dijaga oleh keluarga angkat ini, kemungkinan keperluan fisiologi dan kebajikan Priya dari segi makanan dan tempat tinggal tidak dapat dipenuhi dengan sebaiknya.

2. **Keperluan Keselamatan:** Pekerja Kes melihat keluarga angkat ini mampu menjaga dan memelihara kanak-kanak ini daripada ancaman keselamatan dari ibu kandung sendiri. Sebagai kanak-kanak juga harus diberi peluang jaminan keselamatan walaupun mereka masih belum memahami erti kehidupan.
3. **Keperluan Kasih Sayang dan Kepunyaan:** Berdasarkan penilaian dan pengamatan, Pekerja Kes melihat keluarga angkat ini mampu memberi kasih sayang kepada Priya dan mampu menjaga kebajikannya.
4. **Keperluan Penghargaan Kendiri:** Dalam kes ini, Pekerja Kes melihat klien memerlukan sokongan daripada komuniti dan diberi penghargaan apabila mereka bersetuju untuk mengambil Priya sebagai anak angkat daripada diabaikan oleh ibu kandung. Mereka juga ingin diberi peluang untuk menjadi ibu bapa.
5. **Keperluan Kesempurnaan Kendiri:** Pekerja Kes melihat klien menginginkan kesempurnaan di dalam hidup mereka di mana mereka menginginkan anak sebagai pelengkap hidup untuk diberi kasih sayang sebagai sebuah keluarga yang bahagia.

Secara kesimpulan, Pekerja Kes mendapati bahawa pasangan ini layak menjadi ibu bapa angkat kepada Priya. Mereka mempunyai kemampuan dari segi ekonomi, mempunyai masa untuk mencurahkan kasih sayang dan memberi perhatian, telah bersedia secara mental dan berupaya memberi jagaan yang terbaik kerana mereka berdua masih sihat serta tidak mempunyai apa-apa penyakit berjangkit atau penyakit kronik yang lain. Oleh itu, kes ini dirujuk ke mahkamah untuk proses pengangkatan di bawah Seksyen 3 (1) dan Seksyen 10 (1) Akta Pengangkatan (*Adoption Act*) 1952.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Pada pendapat anda, bagi kes permohonan anak angkat, proses manakah dalam amalan kerja sosial yang paling membantu pekerja kes dalam memberikan syor yang bertepatan kepada pihak mahkamah?
2. Kenalpasti dan bincangkan bentuk-bentuk intervensi yang telah dilaksanakan dalam kes ini.
3. Pada pendapat anda, apakah aspek-aspek yang perlu diberi perhatian oleh seorang pekerja sosial dalam melakukan penilaian apabila menerima kes berkaitan permohonan pengambilan anak angkat?



**KES
7 HARAPKAN PEGAR,
PEGAR MAKAN PADI**

Ramacantiran A/L M. Ananthan

MAKLUMAT ASAS KES

Kanak–kanak di dalam kes ini bernama Sarah (bukan nama sebenar) berusia 15 tahun, merupakan mangsa jenayah seksual kerana telah dicabul dan dirogol oleh dua orang abang kandung dan seorang kawan kepada abangnya. Menurut Sarah, dirinya mula dicabul oleh abang kandungnya iaitu Malik (bukan nama sebenar) ketika Sarah berusia 6 tahun. Malik yang ketika itu berusia 16 tahun, merupakan abang kedua Sarah, dilaporkan telah memeluk, mencium, meraba, memasukkan jari ke dalam kemaluan Sarah dan merogolnya sehingga Sarah berusia 15 tahun.

Sarah turut melaporkan bahawa abangnya yang ketiga iaitu Aslam (bukan nama sebenar) pada ketika berumur 19 tahun, turut merogolnya ketika Sarah berusia 14 tahun. Malik dilaporkan telah mencabul dan merogol Sarah lebih daripada 20 kali, manakala Aslam telah merogol Sarah dalam anggaran sebanyak lima kali. Selain itu, seorang kawan kepada Aslam iaitu Faizal (bukan nama sebenar) yang pada ketika itu berumur 18 tahun, yang dikenali oleh Sarah juga dilaporkan telah merogolnya pada dua tahun lepas sebanyak dua kali. Kesemua kejadian ini berlaku di rumah Sarah ketika ketiadaan ibu bapanya. Sarah difahamkan mencapai akil baligh ketika berusia 13 tahun, namun tidak mengandungi akibat perbuatan abang-abangnya.

Kes ini dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) oleh pihak sekolah. Sarah dilaporkan telah mengadu kepada guru pendidikan jasmaninya. Guru pendidikan jasmani dilaporkan telah menceritakan perihal berkaitan sumbang mahram di dalam kelas. Sejurus tamat kelas, Sarah telah berjumpa dengan guru berkenaan dan menceritakan perbuatan abangnya ke atas dirinya dalam

keadaan sedih dan menangis. Guru berkenaan dilaporkan telah merujuk Sarah kepada guru kaunseling untuk tindakan lanjut.

Menurut guru kaunseling, Sarah mengadu dicabul dan dirogol oleh abang kandung dan kawan abangnya. Sarah kemudian telah dibawa oleh Pegawai Kes untuk membuat laporan polis dan dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang untuk pemeriksaan. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat kesan koyakan lama pada kemaluan Sarah. Setelah laporan polis dibuat, Malik iaitu abang kedua telah ditangkap pihak polis pada hari yang sama. Faizal, rakan Malik, turut ditahan selang beberapa hari kemudian. Walau bagaimanapun, Aslam iaitu abang ketiga telah menghilangkan diri dan tidak dapat dikesan sehingga kini. Malik telah dijatuhkan hukuman penjara selama 55 tahun dengan 15 kali sebatan. Faizal pula dijatuhkan perintah Bon Berkelakuan Baik selama 3 tahun.

LATAR BELAKANG KLIEN DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Sarah merupakan anak bongsu daripada enam orang adik-beradik, tinggal bersama ibu bapa dan belajar di Tingkatan Tiga di Sekolah Aman Sentosa. Dia mempunyai empat orang abang dan seorang kakak, iaitu Syukur, Malik, Aslam, Hana dan Afiq. Abang sulungnya bernama Syukur (bukan nama sebenar), berusia 29 tahun dan telah berkahwin serta mempunyai seorang anak. Syukur dan keluarganya tinggal berasingan dan bekerja di kilang yang berdekatan rumahnya.

Abang keduanya bernama Malik (bukan nama sebenar), berusia 27 tahun dan kini sedang menjalani hukuman penjara, manakala abang ketiganya bernama Aslam (bukan nama sebenar), berumur 25 tahun telah melarikan diri tanpa dapat dikesan hingga ke hari ini. Hana (bukan nama sebenar) pula merupakan anak ke empat dalam keluarga, berusia 23 tahun dan kini bekerja di Subang. Sarah juga dilaporkan kurang rapat dengan Hana walaupun dia hanya mempunyai seorang kakak sahaja kerana Hana jarang pulang ke rumah. Abangnya yang paling muda bernama Afiq (bukan nama sebenar), merupakan anak kelima di dalam keluarga dan berumur 18 tahun. Afiq tidak lagi bersekolah dan kini bekerja di sebuah bengkel membaiki motorsikal bersama abangnya, Malik.

Bapa Sarah bernama Zabidi, (bukan nama sebenar) berusia 56 tahun dan bekerja di kebun kelapa sawit dengan mengambil upah melakukan kerja-kerja rencam. Pendapatan bapa tidak menentu kerana bergantung kepada upah yang diterimanya, namun dianggarkan berjumlah RM 800 sebulan. Manakala, ibu Sarah bernama Masitah (bukan nama sebenar), berusia 51 tahun dan merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Ibu Sarah dilaporkan mempunyai masalah kesihatan mental. Berdasarkan maklumat bapa Sarah, isterinya mengalami masalah kemurungan dan tekanan perasaan. Ibu Sarah boleh menguruskan keluarga, menjaga dan memelihara Sarah sepenuh masa. Namun, apabila dilanda kemurungan, dia tidak mampu melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya akibat masalah tersebut.

Semasa kecil, keluarga Sarah tinggal bersama di rumah nenek sebelah bapa di Kuala Selangor. Keluarga ini kemudian berpindah ke rumah sendiri di Sabak Bernam semasa Sarah berumur tiga tahun. Namun, Malik yang ketika itu berusia 13 tahun dilaporkan kekal tinggal bersama nenek dan bapa saudara mereka. Malik dilaporkan berhenti sekolah pada umur 16 tahun dan telah bekerja di bengkel membaiki motorsikal. Malik dilaporkan akan pulang ke rumah keluarganya di Sabak Bernam setiap dua bulan sekali semasa cuti dan akan tinggal selama seminggu setiap kali dia pulang.

Hasil lawatan ke rumah mendapati Sarah tinggal bersama dengan ibu bapa kandung di sebuah rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Rumah diperbuat daripada batu sepenuhnya dan mempunyai dua bilik tidur dan satu bilik air. Rumah tersebut mempunyai kelengkapan air dan elektrik serta keperluan asas yang lengkap. Rumah ini terletak di atas tanah milik keluarga ibu kandung Sarah yang agak terpencil dan jauh daripada kawasan perumahan lain. Kawasan rumah Sarah dikelilingi kebun kelapa sawit milik bapa saudaranya.

Berdasarkan kepada maklumat ibu bapa, Sarah tiada masalah kesihatan dan mempunyai tumbesaran yang seimbang dengan usianya. Namun, menurut ibu bapanya, hubungan mereka dengan anak-anak adalah tidak rapat di mana mereka jarang meluangkan

masa bersama, jarang berbincang, jarang bertanya soal persekolahan dan sebagainya lagi. Ini adalah kerana ibu terpaksa memberi tumpuan sebagai pencari nafkah utama keluarga dan pada masa yang sama mengalami masalah kemurungan yang agak serius.

Semasa Sarah kecil dan selepas berpindah dari rumah nenek, bapanya dilaporkan bekerja di negeri lain dan tinggal berasingan dari keluarga. Keadaan ini telah menyebabkan bapa tidak meluangkan masa bersama anak-anak di rumah. Bapa dilaporkan jarang pulang ke rumah dan tidak memainkan peranan atau fungsi sebagai seorang bapa dalam keluarga. Ini menyebabkan hubungan bapa bersama anak-anak terutamanya anak lelaki kurang rapat. Bapa dilaporkan mula menetap kembali bersama keluarga ketika Sarah berusia 13 tahun apabila isterinya mula mengalami masalah kemurungan.

Ibu bapa juga mengakui bahawa mereka sekeluarga jarang makan bersama, tidak mengambil berat akan pendidikan agama anak-anak, walaupun mereka tahu bahawa ilmu agama adalah penting kepada anak-anaknya. Menurut Sarah, dia tidak pernah solat, begitu juga kedua ibu bapa dan adik beradiknya yang lain. Walau bagaimanapun, ibu sentiasa memastikan keperluan Sarah dipenuhi termasuk membawa Sarah keluar membeli barangan dan keperluan rumah. Bapa Sarah pula melaporkan bahawa dia berperanan untuk menghantar dan mengambil pulang Sarah dari sekolah dengan menaiki motorsikal.

Dari segi akademik, Sarah memberitahu Pekerja Kes bahawa dia suka ke sekolah dan mempunyai ramai kawan. Namun, pencapaian akademiknya dilaporkan berada di tahap sederhana. Guru kaunseling melaporkan, Sarah tidak mempunyai sebarang masalah disiplin seperti ponteng sekolah, merokok dan sebagainya. Namun, Sarah gemar mendapatkan perhatian pelajar-pelajar lelaki dan pernah dilaporkan berdua-duaan dengan pelajar lelaki dalam kawasan sekolah. Menurut guru kaunseling lagi, Sarah pernah menceritakan perbuatan yang dilakukan oleh abang terhadapnya kepada kawan-kawan sekolah. Difahami reaksi Sarah ketika menceritakan hal berkenaan tidak menunjukkan kesedihan atau ketakutan, namun lebih kepada rasa

seronok dan teruja. Guru kaunseling turut memaklumkan bahawa Sarah didapati tidak hadir ke sekolah apabila abangnya pulang ke rumah.

Menurut Sarah, Malik sangat mengambil berat akan dirinya dan kerap memberikan wang serta membelikan semua keperluan Sarah. Malah, Malik juga tidak pernah berkasar denganya, menyebabkan Sarah berasa selamat dan terjamin apabila bersama dengan Malik. Semasa berusia 11 tahun Sarah pernah mengadu berkenaan dia telah dicabul oleh Malik, namun tiada sebarang tindakan yang diambil oleh bapanya. Sejak itu, Sarah tidak pernah lagi mengadu perkara yang sama baik kepada bapa, mahu pun ibunya.

Hasil temubual bersama Malik mendapati bahawa ibu bapanya mengetahui akan perbuatannya. Lebih kurang empat bulan sebelum kes dilaporkan, Malik telah patah kaki akibat terlibat dalam kemalangan dan tinggal di rumah. Dalam tempoh tersebut, Malik telah mengakui perbuatannya ke atas Sarah kepada ibu bapanya dan meminta maaf kepada mereka berdua. Walau bagaimanapun, ibu bapa tidak menegur atau memarahi dirinya. Namun, menurut Malik, dia menyedari bahawa ibu bapanya telah mula mengelakkan Sarah berada di rumah bersamanya seorang diri.

Malik yang tinggal bersama nenek, mengakui mula menonton dan terdedah kepada filem-filem lucah sejak berusia 9 tahun apabila berkawan dengan dengan rakan-rakan yang lebih tua daripadanya. Setelah mencapai usia remaja, Malik teruja untuk mencuba hubungan seksual bagi memuaskan nafsunya. Malik mengaku pernah membuat cubaan meraba dan mencabul Hana iaitu kakak kepada Sarah. Tindakan Malik dilawan oleh Hana dan selepas itu Malik tidak lagi berani mengulangi perbuatan tersebut. Ketika temubual, Malik berkata keinginan dan nafsu seksnya bertambah apabila mengambil dadah. Malik mula mencabul Sarah sejak berusia enam tahun bagi memuaskan nafsunya. Sarah masih kecil dan tidak melawan. Oleh itu, penama mengulangi perbuatan mencabul dan memasukkan jari ke dalam kemaluan Sarah beberapa kali dan akhirnya bertindak untuk merogol adiknya.

Ibu bapa Sarah dilaporkan terkejut apabila tiba-tiba pihak polis menahan Malik di rumah susulan laporan polis yang dibuat. Ibu bapa

beranggapan bahawa Malik telah menghentikan perbuatannya ke atas Sarah. Oleh itu, tidak perlu lagi diambil sebarang tindakan lain ke atasnya. Tambahan pula, Malik dilaporkan sebagai penyumbang utama dari segi kewangan keluarga. Sarah memaklumkan bahawa dia merasa bersalah di atas apa yang telah berlaku dan menganggap dirinya sebagai penyebab kepada abangnya ditangkap lalu mengakibatkan keluarganya hilang sumber pendapatan.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Sarah adalah mangsa sumbang mahram yang dilakukan oleh abang-abangnya. Jenayah seksual yang dilakukan kepada Sarah oleh abang-abang kandung dan kawan abangnya adalah melampaui norma masyarakat. Albert Cohen dalam kajiannya menyifatkan kelakuan ini sebagai “*sex deviance*” atau dengan kata lain kelakuan seksual yang keterlaluan atau di luar norma.

Malik telah terdedah kepada unsur seksual dan dadah di usia muda, seawal usia sembilan tahun akibat bergaul dengan rakan yang lebih tua daripadanya. Pengaruh kawan memainkan peranan penting dalam hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh Albert Bandura dalam Teori Pembelajaran Sosial, di mana setiap kelakuan individu adalah hasil pemerhatian dan pembelajaran daripada persekitarannya. Abang yang sepatutnya melindungi adiknya telah gagal melaksanakan fungsi yang sepatutnya, sebaliknya mengambil kesempatan ke atas kelemahan Sarah yang masih kecil dan tidak mampu mempertahankan dirinya.

Sarah pula telah terdedah kepada gangguan seksual sejak dari kecil, iaitu pada usia yang tidak sepatutnya mendapat pendedahan yang sedemikian. Pada usia yang sedemikian, Sarah belum mengerti sepenuhnya akan betul atau salah sesuatu tindakan yang dilakukan ke atasnya. Dia menganggap perkara tersebut tidak salah kerana ianya dilakukan oleh abangnya sendiri. Ibu bapanya juga tidak pernah bercakap atau mengambil sebarang tindakan mengenai perkara ini, malah bertindak mendiamkan diri apabila perkara ini dimaklumkan oleh Sarah kepada mereka.

Gangguan yang berterusan, besar kemungkinan telah membentuk sikap Sarah yang lebih tertarik untuk berkawan dengan pelajar lelaki. Ini menyebabkan Sarah gemar berkawan rapat dan menarik perhatian pelajar lelaki lain di sekolah. Begitu juga dengan hubungan seksual yang pada awalnya dipaksa oleh abang namun lama-kelamaan menjadi kebiasaan dan mungkin memberikan keseronokan kepada Sarah. Keadaan ini juga menyebabkan seorang lagi abang dan kawannya turut merogol Sarah dan kemungkinan ia berlaku di atas persetujuan Sarah kerana tidak melawan atau cuba melepaskan diri ketika dirogol.

Secara keseluruhan, didapati bahawa kegagalan sistem kekeluargaan berfungsi dalam keadaan yang sepatutnya menjadi punca berlakunya sumbang mahram ke atas Sarah. Keluarga ini juga tidak memberi penekanan terhadap batasan kelakuan di antara ahli keluarga sehingga menyebabkan Sarah menjadi mangsa penderaan seksual. Berdasarkan kepada Teori Sistem, keluarga adalah sebuah sistem yang terdiri daripada sub sistem yang berhubungan di antara satu sama lain. Sekiranya sub sistem berhubung dengan baik maka sistem yang wujud berfungsi dengan sepatutnya. Sebaliknya jika terdapat gangguan pada hubungan, maka sistem yang wujud adalah tidak berstruktur dan berpecah-belah.

Dalam kes ini, sistem keluarga Sarah adalah tidak berstruktur akibat gangguan yang berlaku. Sub sistem dalam keluarga adalah bermasalah iaitu merujuk kepada ahli keluarga yang gagal melaksanakan kefungsiannya yang sepatutnya. Pada usia anak-anak yang masih muda, bapa telah tinggal berasingan dan jarang pulang ke rumah. Bapa sebagai ketua keluarga terutamanya tidak menjalankan peranan atau tanggungjawabnya yang sepatutnya. Ini menyebabkan urusan rumahtangga dipikul sepenuhnya oleh isteri. Akibatnya peranan ibu sebagai pelindung, pendidik, pembimbing, rakan dan sebagainya kepada anak-anaknya telah berubah kepada pencari nafkah keluarga sehinggalah dia telah mengalami kemurungan.

Selain itu, ibu bapa Sarah turut gagal mengambil tindakan proaktif bagi melindunginya dan tidak memberikan pendedahan keagamaan

yang sepatutnya kepada anak-anak mereka. Akibatnya, anak lelakinya yang merupakan abang kepada Sarah yang sepatutnya bertindak sebagai pelindung dan pembimbing, telah mencabul dan merogol adiknya sendiri.

Berdasarkan pemerhatian dan penilaian Pegawai Kes, didapati bahawa Sarah tidak sesuai tinggal bersama keluarga walaupun abangnya Malik sedang menjalani hukuman penjara. Ini adalah kerana seorang lagi abangnya masih bebas. Kawan kepada abangnya juga, berkemungkinan masih boleh mendekati Sarah kerana dia hanya dikenakan Bon Berkelakuan Baik sahaja. Tambahan pula, Sarah berkemungkinan akan melakukan hubungan seksual bersama orang lain. Ini kerana perbuatan tersebut sering dilakukan akibat telah dirogol sejak dari kecil lagi. Oleh yang demikian, sebagai seorang individu remaja yang normal, keinginan tersebut pasti akan timbul dari semasa ke semasa.

Oleh yang demikian, Sarah memerlukan pemulihan dari segi emosi, kerohanian, sahsiah dan memerlukan sokongan untuk bebas sepenuhnya daripada impak buruk akibat penderaan seksual yang berlaku ke atas dirinya. Pegawai Kes berpendapat, ibu bapa Sarah tidak mampu untuk melaksanakan perkara tersebut kepadanya. Oleh yang demikian, Sarah disyorkan untuk diberi perlindungan di Rumah Kanak-Kanak bagi membolehkannya menjalani pemulihan, pemeliharaan, pendidikan dan proses pembesaran yang normal sebagaimana kanak-kanak yang lain.

Semasa berada di sana, Pegawai Kes juga mencadangkan agar Sarah dirujuk kepada pakar psikiatri di hospital berhampiran untuk menilai tahap kesihatan mental dan mengikuti sesi yang berkaitan sebagai intervensi pemulihan. Ini kerana Sarah berkemungkinan mengalami trauma dan konflik serta ketagihan seks akibat dirogol oleh abang-abangnya dalam tempoh masa yang begitu lama.

Selain itu, Pegawai Kes juga mendapati terdapat keperluan untuk membantu ibu bapa Sarah agar bersedia untuk menerima Sarah kembali ke pangkuan keluarga kelak. Selain itu, tindakan intervensi juga diperlukan untuk mengembalikan kefungsiannya mereka sebagaimana ahli masyarakat yang lain. Oleh yang demikian, Pegawai Kes akan mengambil beberapa tindakan yang berikut:-

1. Ibu bapa Sarah dirujuk untuk sesi kaunseling bagi membantu mereka keluar dari tekanan emosi yang dialami yang berkemungkinan kerana kesan daripada penangkapan Malik dan kemasukan Sarah ke institusi kanak-kanak.
2. Ibu Sarah akan dirujuk kepada bahagian psikiatri hospital untuk rawatan dan pemulihan akibat masalah kemurungan yang dihadapinya.
3. Keluarga ini juga akan dimasukkan ke dalam Program Pemerkasaan Ekonomi Jabatan agar dapat meningkatkan lagi pendapatan bulanan mereka.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Pada pendapat anda, apakah intervensi yang sesuai untuk membantu mangsa penderaan seksual kanak-kanak agar dapat menangani kesan yang dialaminya?.
2. Pada pendapat anda, apakah tindakan yang perlu diambil oleh setiap keluarga bagi mengelakkan berlakunya masalah sumbang mahram? Bincangkan.
3. Pada pendapat anda, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pekerja sosial bagi mencegah masalah sumbang mahram dan penderaan seksual?.



**KES
8** **KASIH TERPAUT DI RUMAH
KANAK-KANAK**

Norshimahwati binti Mustafar

MAKLUMAT ASAS KES

Kes ini merupakan permohonan anak angkat oleh pasangan suami isteri yang bernama Encik Mohd Azman bin Mohd Kamal (bukan nama sebenar) dan Puan Siti Maimunah binti Muzaffar (bukan nama sebenar) ke atas bayi berumur sebulan yang diberi nama Yusof Iskandar (bukan nama sebenar). Yusof Iskandar dilaporkan merupakan bayi yang ditinggalkan di sebuah gerai menjual burger di Jalan Sungai Merab Luar, Kajang. Yusof Iskandar telah dijumpai oleh seorang penduduk di kawasan tersebut ketika ingin pergi ke masjid untuk menunaikan solat subuh.

Menurut pegawai polis yang merupakan pegawai penyiasat kes ini, Yusof Iskandar yang telah dijumpai di dalam sebuah kotak dan dibalut dengan kain batik telah diselamatkan dengan segera dan dihantar ke Hospital Serdang untuk pemeriksaan lanjut. Pegawai Perubatan Hospital Serdang memaklumkan terdapat beberapa helai rambut di kain batik yang membaluti badan Yusof Iskandar dan spesimen rambut tersebut telah dihantar ke makmal untuk ujian DNA. Namun, sehingga kini, pemilik rambut tersebut masih belum dikenalpasti identitinya.

Yusof Iskandar kemudiannya telah dibawa ke Mahkamah Sesyen/ Majistret Sepang untuk mendapatkan perintah Jagaan Sementara di bawah Subseksyen 25 (1) Akta Kanak-kanak 2001. Tuan Majistret telah membenarkan permohonan dengan mengeluarkan perintah untuk kanak-kanak ditempatkan di Rumah Kanak-kanak (RKK) Tengku Budriah, Cheras selama sebulan. Dalam tempoh tersebut, siaran akhbar telah dibuat bagi tujuan mengesan waris kanak-kanak dan pendaftaran kelahiran kanak-kanak juga telah diuruskan serta sijil kelahiran kanak-kanak telah diperolehi.

Encik Mohd Azman, berumur 35 tahun, dan Puan Siti Maimunah, berumur 34 tahun, telah ditawarkan untuk menjadi ibu bapa pelihara kepada Yusof Iskandar. Mereka dipilih dari senarai permohonan Anak Pelihara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Melalui semakan rekod buku pendaftaran, mereka telah membuat permohonan pada empat tahun yang lepas kerana telah berkahwin selama tujuh (7) tahun dan masih tidak mempunyai cahaya mata. Kedua-dua mereka berasal dari Terengganu dan merupakan penjawat awam di Pejabat Kerajaan Daerah Sepang dan bekerja dalam kategori kumpulan sokongan. Melalui cadangan dari pihak JKM, pihak Mahkamah telah meletakkan Yusof Iskandar ke dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan mereka berdua.

LATAR BELAKANG KLIEN DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Berdasarkan laporan, semasa Yusof Iskandar dijumpai, tiada sebarang pengenalan diri bayi yang ditinggalkan oleh waris. Yusof Iskandar telah dimasukkan ke Wad NICU Hospital Serdang untuk siasatan dan rawatan lanjut. Berdasarkan semakan laporan perubatan yang diberikan, Yusof Iskandar seorang bayi lelaki yang mempunyai berat 2.69 kilogram semasa dijumpai dan pihak hospital telah memberikan suntikan imunisasi yang sepatutnya. Tahap kesihatannya adalah baik dan tidak mempunyai sebarang komplikasi atau kecacatan. Setelah 10 hari berada di hospital dan didapati sihat, pegawai perubatan telah membenarkannya keluar daripada hospital untuk ditempatkan secara sementara di Rumah Kanak-Kanak (RKK) Tengku Budriah, Cheras.

Encik Mohd Azman dan isterinya dilaporkan tinggal di kuarters penjawat awam yang merupakan jenis apartment yang mempunyai tiga buah bilik dan dua bilik air. Keadaan rumah dilihat sesuai untuk perkembangan dan tumbesaran kanak-kanak. Menurut Encik Mohd Azman, dia telah membeli sebuah rumah teres setingkat di Sepang yang kini sedang dalam proses pembinaan dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun lagi. Manakala dari segi ekonomi keluarga, tahap kewangan keluarga ini didapati stabil dan mempunyai jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM 5,000.00 sebulan.

Mereka juga memaklumkan bahawa perbelanjaan keluarga dalam sebulan adalah sebanyak RM 1,800.00 yang merangkumi bil-bil utiliti, belanja dapur, bayaran kenderaan dan rumah. Secara keseluruhan, didapati ekonomi keluarga ini adalah baik dan mencukupi bagi menampung keperluan seisi keluarga termasuklah keperluan Yusuf Iskandar. Dari segi penerimaan ahli keluarga luas yang lain bagi kedua-dua belah pihak, Encik Mohd Azman memaklumkan bahawa kesemua ahli keluarga dikatakan menerima hasrat dan memberikan sokongan sepenuhnya kepada mereka tanpa sebarang bantahan.

Dari segi penjagaan pula, mereka memaklumkan telah mengenalpasti pengasuh yang tinggal berhampiran dengan rumah mereka untuk menjaga Yusof Iskandar ketika mereka pergi bekerja. Menurut Encik Mohd Azman, pengasuh tersebut merupakan seorang yang dikenali rapat olehnya kerana mereka tinggal berjiran sejak sekian lama. Pengasuh mempunyai pengalaman yang luas dalam penjagaan bayi kerana telah diberi kepercayaan menjaga bayi dan kanak-kanak oleh jiran-jiran yang lain sebelum ini. Tahap kesihatan kedua-dua pasangan ini dilaporkan baik tanpa sebarang penyakit kronik. Faktor ini juga dilihat penting bagi Pekerja Kes kerana ia menunjukkan bahawa pasangan tersebut mampu memenuhi keperluan penjagaan dan pemeliharaan yang baik kepada seseorang bayi yang baru lahir.

Menurut pasangan tersebut, mereka sangat inginkan kehadiran seorang anak dalam kehidupan mereka. Sebelum ini, mereka telah berusaha untuk mendapatkan cahaya mata dengan mendapatkan perkhidmatan urutan tradisional dan perubatan moden. Kesungguhan mereka dapat dilihat apabila dimaklumkan telah dua kali menjalani rawatan kesuburan namun masih tidak berjaya. Oleh yang demikian, mereka telah berbincang untuk mengambil anak angkat ke dalam jagaan mereka. Semasa kehadiran mereka ke RKK Cheras untuk melawat Yusof Iskandar, timbul perasaan kasih dan sayang dan menyebabkan mereka menjadi rindu dan tidak sabar untuk memeliharanya serta telah membeli dan menyediakan segala kelengkapan yang diperlukan oleh seorang bayi. Mereka juga dilihat sangat teruja setelah diberi tawaran untuk menjaga Yusof Iskandar dan telah menerima kehadirannya dengan hati yang senang dan gembira.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Pekerja Kes berpendapat bahawa keputusan untuk meletakkan Yusuf Iskandar ke dalam jagaan orang yang layak dan sesuai sebagai ibu bapa pelihara adalah yang terbaik. Ini kerana ibu bapa kandung kepada Yusuf Iskandar tidak dapat dijumpai sehingga hari ini. Keputusan tersebut juga membolehkan Yusuf Iskandar mendapat penjagaan dan pemeliharaan berasaskan keluarga untuk perkembangan dan masa depannya yang lebih sempurna.

Selain itu, Encik Mohd Azman dan isterinya juga dilihat telah bersedia menjadi ibu bapa angkat. Tambahan pula, bagi membolehkan seseorang bayi tersebut membesar dan berkembang dengan baik, belaian kasih sayang, perhatian dan penjagaan oleh ibu bapa adalah diperlukan. Melalui penjagaan kedua-dua pasangan ini, Yusof Iskandar dirasakan akan selamat, dapat dipenuhi keperluannya, dan dijangkakan seterusnya akan membesar menjadi individu yang baik untuk kehidupan yang akan datang.

Oleh yang demikian, permohonan pasangan ini untuk mengambil Yusuf Iskandar sebagai anak angkat mereka adalah disokong sepenuhnya dengan beberapa saranan seperti berikut:-

1. Ibu bapa angkat mengikuti kursus *Parenting Skill* anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) atau mana-mana agensi yang setaraf dengannya.
2. Menghadiri sesi *psychoeducation* bersama Pekerja Kes atau Kaunselor untuk menguruskan isu-isu berkaitan jangkaan menjaga seorang anak angkat.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Bincangkan konflik yang mungkin wujud sekiranya ibu bapa kandung kanak-kanak menuntut semula hak penjagaan dan bagaimana kes sedemikian patut dikendalikan.
2. Pada pendapat anda bagaimanakah pemantauan dan penilaian Pekerja Kes dapat memastikan kanak-kanak diberikan perlindungan dan pemeliharaan yang terbaik oleh ibu dan bapa pelihara?
3. Sebagai Pekerja Kes, apakah intervensi lain yang boleh dilaksanakan ke atas kes yang sebegini?

KES 9 **BAPA BOREK ANAK RINTIK**

Muhammad Razmee bin Abd. Razak

MAKLUMAT ASAS KES

Ali (bukan nama sebenar) merupakan seorang kanak-kanak yang berumur 15 tahun. Ali telah dipertuduhkan di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana mengugut ibu kandungnya sendiri. Perbicaraan kesnya telah berlangsung di dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) Kuala Terengganu, Terengganu. Menurut Ali, mangsa yang diugut adalah ibunya sendiri dengan menggunakan sebilah pisau yang dia acukan ke arah ibunya. Ali juga menyatakan tujuan mengugut ibunya adalah kerana dia memerlukan wang tunai untuk membeli dadah jenis syabu dan pada masa itu ibunya enggan menunaikan kehendaknya.

Hal tersebut menyebabkan Ali mengugut untuk mencederakan ibunya. Selepas kejadian itu, ibunya sendiri telah melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis. Menurut Ali, susulan daripada laporan polis tersebut, dia telah ditangkap dan dituduh di mahkamah. Ali memaklumkan bahawa dia tidak mahu dibicarakan dan telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut. Pihak Mahkamah Kuala Terengganu kemudiannya telah memerintahkan Ali untuk menjalani pemulihan.

LATAR BELAKANG KLIEN DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Apabila Ali ditempatkan ke Sekolah Tunas Bakti, Pekerja Kes telah menyemak maklumat dan latar belakang Ali melalui laporan, rekod dan temubual yang dijalankan. Ini membolehkan Pekerja Kes mengetahui dan memahami keadaan mental, emosi, masalah yang dihadapi, sikap dan keperluan Ali secara keseluruhannya. Maklumat tersebut adalah sangat penting kepada Pekerja Kes

untuk merancang intervensi yang bersesuaian dan terbaik kepada Ali.

Berdasarkan Laporan Akhlak, didapati Ali merupakan anak bongsu dari tiga orang adik beradik. Dia mempunyai dua orang kakak iaitu yang pertama, bernama Irina (bukan nama sebenar) berumur 18 tahun bekerja di kedai farmasi di bandar Kuala Terengganu. Kakak keduanya bernama Irishsya (bukan nama sebenar) berumur 17 tahun, bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan berdekatan dengan rumahnya. Irishsya dihantar ke sekolah oleh ibunya dan balik ke rumah menaiki bas awam. Ali pula berulang alik ke sekolah menggunakan basikal yang dibeli oleh bapanya.

Ibu Ali bernama Jamilah (bukan nama sebenar), berusia 45 tahun dan dilaporkan bekerja sebagai kerani di sebuah syarikat yang menjual peralatan pertukangan kayu dan logam di bandar Kuala Terengganu. Hasil daripada pekerjaannya, Jamilah memaklumkan dia memperoleh pendapatan tetap berjumlah RM 1,500.00 sebulan. Jamilah akan meninggalkan rumah pada jam 6.45 pagi setiap hari untuk menghantar Irishsya ke sekolah menggunakan kereta jenis Proton Saga miliknya sendiri dan terus ke tempat kerja. Jamilah akan pulang ke rumah pada jam 5.00 petang dan pada kebiasaannya, Ali telah pun berada di rumah pada masa tersebut.

Bapa Ali pula bernama Alang (bukan nama sebenar), berusia 47 tahun dan dilaporkan bekerja sebagai tekong bot pemancing secara sambilan. Pendapatan Alang tidak menentu, sekitar RM 2,000.00 hingga RM 5,000.00 sebulan, bergantung kepada jumlah tempahan yang diperolehi pada bulan tersebut. Masa dan tempoh bekerja bapanya juga dilaporkan tidak menentu. Namun, pada kebiasaannya dilaporkan bapa akan keluar rumah seawal jam 4.00 pagi untuk ke jeti bagi membuat segala persediaan awal sebelum sebarang perjalanan memancing dimulakan. Menurut Ali lagi, bapanya hanya turun ke laut apabila mendapat tempahan dari pelanggan-pelanggan yang menempah perjalanan memancing dengan bapanya di sekitar persisiran pantai di Terengganu.

Menurut Ali juga, dia lebih banyak menghabiskan masa bersama ibunya berbanding bapanya seperti makan bersama dan

menguruskan segala keperluan persekolahannya. Ini adalah kerana jadual bekerja bapanya adalah sukar dijangkakan kerana terikat dengan jadual tempahan bot untuk membawa pelanggannya memancing. Pada kebiasaannya, Ali melaporkan dia hanya ditemani oleh kakak keduanya yang menjaga Ali semasa ketiadaan kedua ibu bapa mereka. Ali turut memberitahu bahawa mereka sekeluarga tidak pernah solat bersama, malah kedua ibu bapanya tidak memberi penekanan tentang pendidikan agama.

Setelah mengetahui latar belakang Ali, Pegawai Kes juga perlu meneroka lebih mendalam untuk mendapatkan kefahaman yang lebih baik berkaitan bagaimana seorang anak bongsu boleh sampai ke tahap mengugut ibu kandungnya. Apa yang mendorong Ali sehingga sanggup mengugut ibunya? Untuk tujuan itu, Pegawai Kes telah menetapkan agar Ali berjumpa dengan Pegawai Kes untuk sesi konsultasi sebanyak seminggu sekali. Dengan persetujuan bersama, Ali bersetuju sesi konsultasi diadakan pada setiap hari Rabu jam 4.00 petang.

Pada sesi konsultasi yang pertama, Ali telah bercerita tentang latar belakang keluarganya dan sedikit saja mengenai dirinya. Pada sesi kedua, Pegawai Kes cuba mendekati Ali untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Ali terutamanya tentang aktiviti yang dilakukan ketika berada di luar rumah. Namun begitu, pada sesi tersebut Pegawai Kes mendapati Ali tidak lagi mahu berkongsi ceritanya dengan Pegawai Kes, dan apabila ditanya, Ali enggan memberikan kerjasama. Perkara ini menarik minat Pegawai Kes untuk terus mencuba kaedah lain untuk meneruskan komunikasi bersama Ali.

Setelah Pegawai Kes gagal mendapatkan maklumat lanjut pada sesi kedua, Pegawai Kes cuba menggunakan kaedah lain untuk sesi konsultasi berikutnya. Ali hadir pada sesi berikutnya tetapi masa konsultasi telah diawalkan kepada pada jam 11.00 pagi. Tujuan Pegawai Kes menukar waktu perjumpaan untuk sesi ketiga adalah kerana Pegawai Kes ingin membawa Ali untuk makan tengahari di sebuah restoran berdekatan dengan institusi. Pada masa itu, Ali kelihatan lebih selesa dan terbuka untuk bercerita aktiviti masa lampunya. Menurut Ali selepas selesai sesi persekolahannya iaitu sekitar jam 2.00 petang hingga 3.00 petang Ali akan pulang ke

rumah dan selepas makan dan menyalin pakaian, dia akan keluar berjumpa kawan-kawan sekampung dengannya. Kebanyakan kawan-kawannya terlibat dengan penagihan dadah dan hasil pujukan mereka, Ali juga telah terlibat sama sejak setahun yang lalu.

Menurut Ali, ibu dan ayahnya juga turut terlibat dengan penagihan dadah. Ayahnya terlibat dengan dadah jenis syabu manakala ibunya terlibat dengan ganja. Ali juga mengaku bahawa dia juga terlibat dengan penyalahgunaan dadah jenis syabu sejak berusia 14 tahun dan perkara ini turut diketahui oleh kedua orang ibu bapanya, namun tiada sebarang sekatan atau teguran telah dikenakan oleh kedua ibu bapanya. Pada hari berkenaan, Ali sangat ketagih untuk mengambil syabu tetapi tidak mempunyai wang. Menurutnyanya lagi, rasa ketagihan tersebut membuatnya hilang pertimbangan dan telah mengugut ibunya menggunakan pisau agar menyerahkan wang kepadanya untuk membeli syabu.

Ali memaklumkan bahawa dia mengambil dadah dengan kekerapan seminggu sekali. Dia membeli dadah dengan harga RM 50.00 sebungkus dan pada ketika itu dia telah berada di tahap ketagihan terhadap bahan terlarang tersebut. Ali memaklumkan bahawa, kawasan perumahan yang didiaminya merupakan kawasan yang aktif dengan aktiviti jual beli dadah. Perkara ini telah disahkan oleh Pegawai Kes yang telah menguruskan kes Ali sebelum ini.

Berdasarkan maklumat tersebut, Pegawai Kes merancang supaya ketagihan Ali dapat dipulihkan, seterusnya dapat meningkatkan kefungsiannya sosialnya. Pegawai Kes mendapati bahawa Ali tidak berminat dengan sukan. Oleh yang demikian, dia telah disarankan untuk terlibat secara aktif di dalam bidang kesenian. Ali bersetuju untuk mengikuti kelas tarian dan lukisan di Pusat Perkembangan Kreatif Tuanku Bainun. Kelas ini akan dilaksanakan selama 12 bulan, iaitu enam bulan bagi kelas tarian dan enam bulan lagi untuk kelas lukisan.

Setelah Ali berjaya mengikuti kelas tarian selama enam bulan Pegawai Kes mendapati bahawa terdapat perubahan dalam tingkah laku Ali, di mana dia mulai banyak berkongsi ceritanya bersama

kaunselor sekolah. Dia juga terlibat secara langsung dengan program-program yang dianjurkan oleh pihak kaunselor. Ali juga dilaporkan tidak lagi ketagihan dadah, mempunyai ramai kawan dan seorang yang patuh pada peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Dia juga telah mula lancar membaca al-Quran, namun keinginannya terhadap dadah datang jika dia duduk berseorangan.

Perkara ini merupakan satu maklumat yang penting kepada Pegawai Kes, yang mana Pegawai Kes perlu merangka beberapa lagi aktiviti dan program kepada Ali supaya dia tidak lagi memikirkan aktiviti masa silamnya. Untuk itu, Pekerja Kes merancang untuk Ali mengikuti kelas kemahiran di Bengkel Perkembangan Kemahiran Vokasional (UPKV) di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi. Ini bertujuan untuk menambahkan kemahirannya dan pada masa yang sama, menyibukkan diri dengan aktiviti yang berfaedah agar dapat menghilangkan sepenuhnya ingatan Ali terhadap dadah tersebut.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Berdasarkan penilaian Pegawai Kes, Ali mempunyai kemampuan untuk mengikuti kelas-kelas pengajian yang telah dirancang untuknya dengan baik dan cemerlang. Hasil temubual Pegawai Kes dengan guru-guru yang mengajar Ali mendapati bahawa dia merupakan seorang pelatih yang rajin dan sentiasa berusaha untuk menjadi pelatih yang terbaik. Perkara ini menunjukkan bahawa keyakinan diri Ali telah meningkat dan kini dia dicalonkan untuk menjadi pelatih terbaik bengkel UPKV. Selain itu, Ali juga telah dilantik sebagai pembaca sajak ketika Sambutan Hari Kebangsaan di Pusat Perkembangan Kreatif Tunku Bainun pada tahun kedua dia berada di Sekolah Tunas Bakti.

Kini, Ali didapati tidak lagi mempunyai sebarang ingatan terhadap masa silamnya dan berazam untuk bekerja setelah tamat menjalani perintah yang dikenakan ke atasnya. Ali juga telah mempunyai kemahiran yang cukup untuk bekerja di bengkel-bengkel yang bersesuaian. Tahap kefungsi sosial Ali telah ditingkatkan. Dia juga berhasrat untuk meminta maaf kepada ibu dan bapanya di Kuala Terengganu dan ingin menyatakan kekesalannya atas

perbuatannya dahulu. Menurut Ali, walaupun ibu dan bapanya juga terlibat dengan penyalahgunaan dadah, mereka berdua masih ibu dan bapanya sehingga ke akhir hayat. Bagi mengurangkan risiko penglibatan Ali ke dalam dunia dadah, Ali bersetuju untuk tinggal bersama ibu saudaranya di Kuantan dan mencari pekerjaan di sana. Ali juga berjanji akan menziarah ibu dan bapanya bersama ibu saudaranya pada setiap hari-hari cuti yang akan datang.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Bincangkan tindakan Pegawai Kes yang menyarankan agar Ali tinggal bersama ibu saudaranya.
2. Bincangkan pendekatan yang digunakan oleh Pegawai Kes dalam membantu kefungsiian sosial Ali.
3. Bincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh Pekerja Kes dalam melibatkan rakan sebaya klien bagi membentuk persekitaran yang positif di institusi.

KES 10 **DILEMA PERKAHWINAN BAWAH UMUR**

Nur Syazwani binti Suhaimi

MAKLUMAT ASAS KES

Maria (bukan nama sebenar) merupakan seorang kanak-kanak perempuan berusia 15 tahun yang telah hamil luar nikah dan melahirkan bayi lelaki yang kini berusia tiga bulan. Permohonan Laporan Sosial kanak-kanak dirujuk oleh Mahkamah Syariah berikutan ibu bapa Maria membuat permohonan untuk mengahwinkan anak mereka yang masih di bawah umur. Merujuk kepada Garis Panduan perkahwinan bawah umur di negeri Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) perlu menyediakan laporan sosial dan dimajukan kepada Mahkamah Syariah. Laporan tersebut bertujuan untuk membantu hakim membuat keputusan dalam pertimbangan untuk memberi kebenaran berkahwin bagi kanak-kanak di bawah 18 tahun.

Ibu bapa Maria memohon untuk mengahwinkannya kerana telah melahirkan bayi lelaki tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Mereka berharap agar perkahwinan dapat segera dilaksanakan dengan kelulusan mahkamah agar kehidupan anak mereka lebih baik di dalam sebuah ikatan perkahwinan yang sah demi masa depan bayi yang telah lahir.

LATAR BELAKANG KLIEN DAN KEFUNGSIAN TERKINI

Bapa kandung Maria bernama Mail Muin (bukan nama sebenar), berusia 57 tahun, berasal dari Indonesia dan beragama Islam. Dia berasal daripada sebuah kepulauan terpencil di Indonesia bernama Bawean. Dia datang ke Malaysia sejak 30 tahun yang lalu bersama keluarganya dan telah memperolehi taraf kewarganegaraan Malaysia. Encik Mail bekerja sebagai Pemandu Lori di sebuah

syarikat di Lembah Keramat sejak 22 tahun yang lalu dan keluar bekerja seawal jam 7.00 pagi setiap hari. Waktu tamat bekerja adalah tidak menentu kerana bergantung kepada lokasi penghantaran barangan syarikat yang diarahkan oleh majikan. Pendapatan Encik Mail adalah sekitar RM 2,500.000 sebulan. Encik Mail dan isteri telah berkahwin pada tahun 1986. Anak-anak memanggil Encik Mail dengan panggilan “Bapak” dan dimaklumkan hubungannya dengan semua anak-anak adalah rapat dan baik.

Ibu kandung Maria bernama Yanti (bukan nama sebenar), berusia 45 tahun, berketurunan Indonesia dan beragama Islam. Puan Yanti berasal dari tempat yang sama dengan suaminya dan datang ke Malaysia ketika berusia tujuh tahun kerana mengikut keluarganya berhijrah ke negara ini. Puan Yanti bekerja sebagai tukang cuci di sebuah pasaraya berhampiran kawasan tempat tinggal mereka dan bekerja pada setiap hari Isnin sehingga Sabtu bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang dengan pendapatan RM 1,100.00 sebulan dan bercuti setiap hari Ahad. Puan Yanti juga memaklumkan dia mempunyai kesihatan yang baik.

Maria mempunyai 10 orang adik-beradik yang terdiri daripada tujuh orang lelaki dan tiga orang perempuan. Maria merupakan anak yang ke tujuh. Maklumat adik beradik yang lain adalah seperti berikut:-

- 1. Faizul bin Mail** (bukan nama sebenar), **32 tahun** – telah berkahwin, tinggal di Sungai Buloh dan mempunyai tiga orang anak. Dia tidak bekerja kerana dikatakan mempunyai masalah kesihatan dan bergantung kepada pendapatan isteri yang bekerja di sebuah kilang. Maria melaporkan tidak terlalu rapat dengan abang sulung kerana mereka tinggal berasingan.
- 2. Fakhru Razi bin Mail** (bukan nama sebenar), **31 tahun** – merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) kategori pertuturan, tinggal bersama Maria di rumah ibu bapanya dan masih bujang. Dia mempunyai kemahiran bertukang dan mengambil upah membuat kerja-kerja pertukangan. Pendapatannya dilaporkan tidak tetap, bergantung kepada permintaan. Maria melaporkan hubungan yang baik dengan abang kedua ini tetapi tidak terlalu rapat.

3. **Zainal bin Mail** (bukan nama sebenar), **29 tahun** – tinggal bersama Maria di rumah ibu bapa mereka dan bekerja sebagai pemotong rumput di sekitar Sungai Buloh dengan pendapatan dalam anggaran RM 600.00 sehingga RM 1,000.00 sebulan dan masih bujang. Maria melaporkan hubungan yang baik dengan abang ini tetapi tidak terlalu rapat.
4. **Fara binti Mail** (bukan nama sebenar), **26 tahun** – tinggal bersama Maria di rumah ibu bapa mereka, bekerja di sebuah kilang dengan pendapatan beranggaran RM 1,100.00 sebulan dan masih bujang. Maria melaporkan dia mempunyai hubungan paling rapat dengan Fara dan sering berkongsi masalah dan rahsia dengan kakaknya ini. Namun, tidak berkenaan hal kehamilan. Fara juga tidak tahu Maria keluar bertemu dengan teman lelaki.
5. **Diana binti Mail** (bukan nama sebenar), **23 tahun** – tinggal bersama Maria di rumah ibu bapa mereka, bekerja di sebuah kilang dengan pendapatan beranggaran RM 1,200.00 sebulan dan masih bujang. Maria melaporkan dia mempunyai hubungan baik dengan Diana namun tidak serapat dengan Fara.
6. **Ahmad bin Mail** (bukan nama sebenar), **21 tahun** - tinggal bersama Maria di rumah ibu bapa mereka, bekerja di sebuah kilang dengan pendapatan beranggaran RM 1,200.00 sebulan dan masih bujang. Maria melaporkan hubungan baik dengan Ahmad namun tidak rapat.
8. **Zahrin bin Mail** (bukan nama sebenar), **14 tahun** – tinggal bersama Maria di rumah ibu bapa mereka, masih bersekolah dan tinggal di sebuah sekolah tahfiz di Gombak dengan bayaran bulanan RM 350.00. Menurut Maria, dia tidak rapat dengan adik ini kerana tidak tinggal bersama.
9. **Fakri bin Mail** (bukan nama sebenar), **10 tahun** – tinggal bersama Maria di rumah ibu bapa mereka dan bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Buloh dalam darjah empat.

10. Fakhru bin Mail (bukan nama sebenar), **7 tahun** – tinggal bersama Maria di rumah ibu bapa mereka dan bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Buloh dalam darjah satu.

Adik beradik Maria dilaporkan tidak ada yang terlibat dengan masalah hamil sebelum berkahwin. Malah, abang dan kakaknya dilaporkan sering menasihati dan memberi teguran kepadanya. Mereka memberi banyak sokongan untuk Maria memulakan kehidupan yang baru dan menginsafi kesilapan yang telah berlaku. Kesemua ahli keluarga turut menerima kehadiran bayi yang dilahirkan Maria dengan baik dan ada membantu membeli keperluan susu dan lampin anak saudara mereka.

Teman lelaki Maria bernama Ehsan berusia 19 tahun. Ibu bapa kepada Ehsan juga dilaporkan berasal dari Indonesia. Namun, sebelum kejadian, keluarga mereka tidak mengenali antara satu sama lain. Ibu bapa Ehsan dilaporkan berusia 57 tahun dan 56 tahun dan keduanya dikatakan sihat tubuh badan serta bekerja sebagai tukang cuci dan buruh kontrak untuk membiayai keperluan asas sekeluarga. Merujuk kepada maklumat yang didapati ketika sesi temubual, kedua-dua ibu bapa Ehsan menerima kejadian dengan redha dan mereka juga berhasrat untuk menyegerakan perkahwinan keduanya. Ibu Ehsan sering datang ke rumah Maria untuk bertemu cucu dan sering membawa barangan keperluan bayi. Layanan keluarga Ehsan kepada Maria juga mesra dan baik dan mereka juga mahu Maria tinggal bersama mereka selepas berkahwin kerana di rumah tiada adik-beradik lain yang tinggal bersama.

Satu pertemuan telah dilakukan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan (PKMC) Shah Alam yang dihadiri oleh Maria dan kedua ibu bapanya. Turut dibawa bersama adalah bayi yang baru dilahirkan Maria. Berdasarkan temubual, Maria mempunyai tahap kesihatan yang baik sejak kecil sehingga sekarang. Maria dilaporkan telah berhenti sekolah semasa di tingkatan dua kerana tidak minat untuk belajar. Semasa berada di darjah enam, Maria dilaporkan mendapat keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di tahap

seederhana (3B, 2C). Maria menyatakan bahawa ketika di sekolah rendah, dia tidak aktif bersukan dan tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti ko-kurikulum kerana tidak berminat dengan aktiviti lasak dan “*outdoor*”. Kecenderungannya adalah kepada bidang solekan dan kecantikan dan gemar membeli dan mengumpul alat solek serta belajar asas solekan melalui *YouTube*.

Ketika sesi temubual tersebut, Pekerja Kes turut mendapati Maria mengenakan solekan nipis dan dilihat pandai berfesyen seiring dengan peningkatan usianya dalam fasa remaja yang mana mempunyai keinginan mencuba pelbagai benda baharu dalam kehidupan. Selepas menamatkan fasa sekolah rendah, Maria dilaporkan menyambung pendidikan ke peringkat menengah tetapi hanya bersekolah setakat Tingkatan Dua sahaja kerana tidak berminat untuk meneruskan pelajaran berikutan lebih cenderung untuk mengembangkan kemahiran dalam bidang solekan yang diminatinya. Ibu bapanya tidak menghalang keputusan dia untuk berhenti sekolah, namun telah memberi nasihat yang sebaiknya untuk masa depannya. Sebelum melahirkan bayinya, Maria dilaporkan bekerja di sebuah kilang biskut dan menggunakan duit gajinya untuk mempelajari dan membeli alat-alat solekan. Kini, Maria tidak lagi bekerja kerana ingin memberikan perhatian sepenuhnya kepada bayinya.

Lawatan ke rumah mendapati rumah yang diduduki oleh Maria bersama ibu bapanya adalah jenis rumah batu yang didiami mereka sejak 10 tahun yang lalu. Rumah itu dibina sendiri oleh bapanya dan mempunyai empat bilik tidur dan dua bilik air serta kelengkapan perabot di dalam rumah adalah sederhana. Ruang tamu agak luas dan dimaklumkan adik-beradik lelaki Maria tidur di ruang tersebut berikutan jumlah bilik tidur yang terhad. Rumah tersebut berada dalam keadaan bersih dan kemas. Kakaknya memberitahu bahawa Maria merupakan anak yang rajin dan sering membantu ibu bapa menguruskan rumah apabila semua ahli keluarga keluar bekerja.

Berdasarkan maklumat yang didapati, pendapatan isi rumah adalah bergantung kepada pendapatan ibu bapa dan adik-beradik Maria yang tinggal bersama. Anggaran keseluruhan pendapatan isi rumah adalah sekitar RM 7,900.00 sebulan. Secara keseluruhan, ekonomi

keluarga adalah baik dan stabil dan tidak mempunyai masalah kewangan yang serius dan kesemua isi rumah berkemampuan untuk bekerja dan tiada halangan untuk bersama-sama menjana pendapatan.

Maria melaporkan bahawa dia dan teman lelakinya yang bernama Ehsan, berusia 19 tahun berkenalan melalui aplikasi *WhatsApp* setelah diperkenalkan oleh rakan-rakan terdekat. Setelah seminggu berhubung melalui telefon, mereka mula bertemu dan keluar bersama. Menurut Maria, lokasi biasa mereka bertemu adalah di kedai-kedai makan berhampiran rumah mereka iaitu pada hari minggu kerana Ehsan tidak bekerja pada hari tersebut. Rumah mereka berdua adalah berdekatan antara satu sama lain kerana berada dalam kawasan perumahan yang sama.

Setelah berhubung dan keluar bersama selama dua bulan, mereka dilaporkan mulai membuat pertemuan di rumah Ehsan dan telah melakukan hubungan seks semasa ketiadaan ibu bapa Ehsan kerana keluar bekerja. Ehsan merupakan anak bongsu daripada tiga orang adik-beradik, dan pada masa kini bekerja sebagai tukang cuci di sebuah syarikat di Bukit Jelutong dengan pendapatan sekitar RM 1,200.00 sebulan. Waktu bekerja Ehsan adalah dari hari Isnin sehingga Jumaat dan akan bercuti pada hari hujung minggu. Ehsan dilaporkan berulang alik ke tempat kerja dengan motorsikal miliknya sendiri. Maria memberitahu kepada Pekerja Kes bahawa Ehsan dibuang sekolah ketika di tingkatan empat kerana kerap ponteng sekolah.

Menurut Maria, dia hanya melakukan hubungan seks sekali sahaja bersama Ehsan dan kejadian tersebut berlaku di atas kerelaannya. Menurut ibunya, Maria tidak mengetahui bahawa dirinya hamil sehinggalah ibunya menyedari perbezaan fizikal pada diri Maria setelah sering melihat Maria pening dan mula muntah-muntah. Ibu dilaporkan meminta Maria berterus-terang dan menceritakan hal sebenar. Selepas itu, ibu terus membawa Maria ke klinik untuk pemeriksaan lanjut dan Maria disahkan hamil empat bulan. Ibu melaporkan dia sangat terkejut dan sedih dengan berita tersebut, namun tidak merahsiakan hal itu daripada pengetahuan suami dan anak-anak yang lain. Ibu melaporkan perbincangan dalam keluarga

dilakukan selepas itu bagi mengenalpasti jalan penyelesaian. Ibu bapa Maria mengambil keputusan untuk melakukan perbincangan dengan ibu bapa Ehsan berikutan kehamilan tersebut. Menurut Maria, pada permulaannya, abang-abang dan kakak-kakaknya memarahi dirinya. Namun, tidak lama kemudian, kesemua adik-beradiknya dikatakan telah menerima perkara tersebut dan memberi sokongan moral kepada Maria.

Berdasarkan pemerhatian Pekerja Kes, bapa Maria telah dapat menerima apa yang terjadi ke atas Maria sepenuhnya. Dia merupakan seorang yang peramah, tutur kata sangat lembut dan dilihat menyayangi cucu lelakinya kerana dilihat sering mendukung dan mencium cucu sepanjang tempoh sesi dilaksanakan. Apabila ditanya mengenai perasaan berkenaan kejadian yang berlaku, Encik Mail dilihat tenang dan menerima perkara yang telah berlaku dan hanya mengharapkan perkahwinan dapat disegerakan. Ibu Maria juga di lihat sangat memberi sokongan kepada Maria dan melayani cucunya dengan penuh kasih sayang (menukar lampin cucu ketika sesi dijalankan). Ibu Maria menyatakan pada mulanya agak kecewa dan marah, namun memandangkan semua kejadian telah berlaku, maka fokusnya sekarang adalah segera mengahwinkan Maria demi masa depan bayi yang telah dilahirkan.

PENILAIAN KESELURUHAN DAN SARANAN INTERVENSI

Setelah meneliti kesemua maklumat dan berdasarkan lawatan ke rumah, Pekerja Kes mendapati kedua-dua pihak keluarga telah menerima kejadian yang telah berlaku dan mereka sangat mahukan perkahwinan segera dilangsungkan supaya keduanya dapat membesarkan bayi mereka dengan penuh kasih sayang dan lebih baik. Walaupun kedua ibu bapa kecewa dengan kejadian yang berlaku, namun sebagai ibu bapa, mereka telah menjalankan peranan mereka dengan memantau dan menasihati Maria sebaiknya.

Maria juga dilihat mahir mengendalikan bayinya berikutan mempunyai pengalaman mengurus adik-adiknya sebelum ini. Pekerja Kes bertanya kepada Maria sejauh mana dia menyayangi

anaknya dan Maria terus segera memberi jawapan yang dia sangat menyayangi anaknya dan ingin membesarkannya dengan baik. Dalam masa yang sama, dia berhasrat untuk menyambung pelajaran dalam kemahiran solekan. Pekerja Kes turut berkongsi beberapa cadangan pusat kemahiran yang boleh dimohon seperti Giat Mara, kolej-kolej yang mempunyai bidang solekan dan sebagainya.

Maria memaklumkan ingin bekerja dalam bidang solekan dan kecantikan selepas mempunyai sijil kemahiran tersebut dan ingin membalas jasa kedua ibu bapa yang telah membesarkannya dengan sabar. Maria memberitahu dia bersetuju untuk berkahwin bukan kerana desakan keluarga tetapi kerana kemahuan diri dan Ehsan yang bertanggungjawab di atas kesilapan yang mereka lakukan. Maria menganggap keputusan ini sebagai satu peluang untuk mereka sama-sama memperbaiki diri menjadi insan yang lebih baik.

Pekerja Kes berpendapat bahawa perkahwinan yang dimohon oleh kedua pihak merupakan kemahuan yang ada dalam diri Maria dan Ehsan sendiri. Apa yang terjadi adalah berdasarkan kerelaan dan perasaan kasih sayang mereka berdua serta tiada unsur paksaan dalam kes ini. Mereka berdua juga sudah tidak bersekolah, telah mempunyai pekerjaan tetap dan komited dalam urusan penjagaan bayi yang baru dilahirkan.

Selain itu, Maria juga dilihat sangat matang dalam membuat keputusan tentang hidupnya walaupun umurnya baru mencecah 15 tahun. Kematangan ini dapat dilihat daripada cara Maria memberi tindakbalas dan refleksi kepada Pekerja Kes sepanjang sesi dijalankan. Pekerja Kes menyarankan kepada Maria dan Ehsan untuk mengikuti kursus *Parenting Skill* anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebelum berkahwin dan ibu bapa kedua belah pihak terus membantu memantau keduanya dalam melayari rumahtangga sebagai ibu bapa muda. Maria turut dinasihat untuk menyambung pelajaran dalam bidang solekan yang diminatinya kerana usianya masih muda dan mempunyai bakat yang boleh dikembangkan. Justeru, disyorkan permohonan perkahwinan yang dimohon ibu bapa Maria dipertimbangkan dan segala keputusan muktamad diserahkan kepada pihak mahkamah.

SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Bincangkan faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada berlakunya kehamilan luar nikah.
2. Apakah pandangan anda mengenai perkahwinan di bawah umur?
3. Apakah yang akan anda lakukan sekiranya anda mengendalikan kes ini?

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



JABATAN KEBAJIKAN MSYARAKAT
Aras 6, 9-18, No 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel: +603 - 8323 1656/ +603 8323 1658

Faks: +603 8323 2094

 facebook.com/pages/JKMHQ

 twitter@JKMHQ

 instagram@jkmhq

TALIAN
Kasih **15999**

e-ISBN 978-967-14782-9-5



9 789671 478295